

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 4 APRIL 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian rancangan pembangunan perumahan mampu milik negara yang mensasarkan pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik menjelang tahun 2028 :-

- (a) pecahan jumlah rumah yang akan dibina mengikut Kementerian/Agensi, negeri dan swasta untuk tempoh pelaksanaan RMM 2018-2028 dan sasaran pelaksanaan RMM untuk Kedah bagi tahun 2019; dan
- (b) keperluan membangunkan sebuah pangkalan Data Bersepadu Perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa Kementerian / Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju swasta untuk mengenal pasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Lanjutan daripada itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan agensi-agensi tersebut bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 di seluruh negara termasuk Negeri Kedah melalui agensi-agensi pelaksana yang terlibat seperti berikut:

- | | | |
|---------------------------|---|---------------|
| (a) KPKT | : | 546,000 unit |
| (b) Lain-lain Kementerian | : | 155,788 unit |
| (c) Kerajaan Negeri | : | 153,212 unit |
| (d) Pihak swasta | : | 145,000 unit. |

Soalan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya. Mesyuarat telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta mewujudkan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*).

2. Pangkalan data perumahan ini juga merupakan salah satu Pelan Tindakan dalam Fokus 5, Dasar Perumahan Negara (2018-2025) iaitu memperkemaskan data dan menangani jurang data untuk memajukan penyelidikan perumahan negara. Pembangunan pangkalan data perumahan ini memerlukan penyeragaman data di antara Kementerian/Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju.

3. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan akan memperluaskan sesi libat urus ini dengan Agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia serta Jabatan Perangkaan Malaysia bagi membantu Kementerian dalam membangunkan pangkalan data perumahan yang *reliable* dan komprehensif.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : PERATURAN MESYUARAT 22(5)
DARIPADA : YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH
KAWASAN : BESUT
TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ketiga (LPT3) akan dimulakan setelah diluluskan pihak Kerajaan pada awal Mac 2019.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum, Kajian Kemungkinan atau “Feasibility Study” bagi Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) ini telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kg Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147km di mana ia melibatkan 3 daerah di Terengganu (Kuala Terengganu, Setiu, dan Besut) dan 5 daerah di Kelantan (Pasir Putih, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat). Berdasarkan kajian tersebut, projek LPT3 ini berpotensi dan berdaya maju untuk dilaksanakan oleh Kerajaan bagi tujuan melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya Pantai Timur melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai halatuju projek LPT3 ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah memulakan perbincangan dan rundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Kewangan pada minggu lalu. Ia berikutan dari pengumuman oleh YB Menteri MEA pada bulan Mac lalu di mana telah mengumumkan 5 projek baharu bakal dilaksanakan di Wilayah Pantai Timur (ECER). Sehubungan itu penentuan tempoh masa bagi pelaksanaan projek LPT3 ini akan diumumkan sebaik sahaja Kementerian ini menerima pengesahan dari Agensi Pusat mengenai model pelaksanaan dan peruntukan kewangan terlibat.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN S. KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan anak angkat memperoleh kewarganegaraan daripada ibubapa yang berwarganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **ibu bapa angkat yang sah boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan** sebelum anak angkat berumur melebihi 21 tahun, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, dalam kes anak angkat kepada warganegara Malaysia, pengangkatan tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Dalam hal ini, adalah ditegaskan bahawa ibu bapa angkat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan dokumen pengenalan diri atau pasport dengan negara asal anak angkat tersebut. Kegagalan ibu bapa angkat melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit iaitu ketiadaan dokumen pengenalan diri serta kesukaran untuk mendapatkan keistimewaan bagi kemudahan-kemudahan lain seperti persekolahan, perubatan dan sebagainya. Kementerian juga sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian *Standard Operating Procedure* (SOP) Permohonan Kewarganegaraan yang turut merangkumi SOP untuk memudahcara permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula peruntukan biasiswa Mybrain agar dapat melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berkelulusan Master dan PhD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa ini menguruskan dua (2) jenis program tajaan Biasiswa untuk orang awam iaitu:

- (1) Biasiswa MyBrain15; dan
- (2) Biasiswa MyBrainSc.

Program Biasiswa MyBrain15 ditawarkan untuk pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang di universiti awam (UA) dalam negara.

Penawaran terakhir Program MyBrain15 adalah pada November 2016 dan Kementerian masih meneruskan pembiayaan sejumlah 1,606 orang pelajar MyBrain15 yang masih aktif sehingga tamat tempoh penajaan pada tahun 2023.

Tajaan Biasiswa MyBrainSc adalah difokuskan untuk bidang Sains Tulen sahaja (Fizik, Matematik, Kimia dan Biologi) bagi pelbagai peringkat

NO. SOALAN : 4

pengajian dari Ijazah Pertama hingga Ph.D di universiti dalam dan luar negara.

Tawaran baharu Program MyBrainSc masih diteruskan seperti biasa. Iklan Biasiswa MyBrainSc telah dibuka dari 25 Januari - 10 Februari 2019 dan sesi temuduga akan bermula dari 8 sehingga 30 April 2019.

Kedua-dua program MyBrain adalah hanya subset kecil untuk menyokong objektif pelan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk mencapai sasaran melahirkan 60,000 orang graduan Ph.D warga negara Malaysia menjelang tahun 2025. Program-program lain seperti tajaan MARA, JPA, SLAB/SLAI dan tajaan Biasiswa keguruan juga adalah antara penyumbang bagi mencapai sasaran ini.

Walaupun tawaran baharu Program MyBrain15 ditangguhkan pada masa ini, namun Kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Ianya ditawarkan kepada semua universiti awam (UA) di Malaysia. Dana skim ini untuk **tahun 2018** adalah sejumlah **RM200 juta** manakala untuk **tahun 2019** pula ditambahkan sebanyak **RM75.35 juta** menjadikannya **RM275.35 juta**.

Pemberian geran penyelidikan ini dilihat mampu untuk melahirkan pemegang Sarjana dan Ph.D secara lebih bersasar dimana penyelia projek iaitu di kalangan profesor, pensyarah yang memantau *supervisee* atau pelajar seliaan mereka akan dipantau dengan lebih dekat melalui perkembangan projek penyelidikan. Ini seterusnya akan membantu melahirkan graduan dalam tempoh pengajian seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran universiti.

Selain daripada pelaksanaan kedua-dua program MyBrain dan pemberian geran penyelidikan dalam membantu melahirkan lebih ramai mahasiswa berkelulusan Sarjana dan Ph.D, KPM juga masih meneruskan pemberian biasiswa dan tajaan untuk 35 program tajaan biasiswa dalam perkhidmatan di bawah Kementerian untuk melahirkan lebih ramai pemegang Sarjana dan Ph.D daripada kalangan guru, pensyarah Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Matrikulasi dan UA seluruh negara dalam memenuhi keperluan perkhidmatan di KPM.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 5

YB TUAN WONG HON WAI [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda Seksyen 60(1) Akta Kebankrapan 1967 supaya mereka yang diisytiharkan bankrap sebelum pindaan Akta Kebankrapan 1967 mendapat relif yang sama dengan mereka yang diisytiharkan bankrap selepas pindaan Akta Insolvensi 1967.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya percaya peruntukan yang sepatutnya dirujuk adalah Seksyen 60 (1) Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta 1534] dan bukannya Seksyen 60 (1) Akta Kebankrapan 1967 yang ternyata dalam soalan kelima Ahli Yang Berhormat.

Melalui pindaan tersebut, terdapat 8 pindaan-pindaan Akta tersebut yang telah dikuatkuasakan pada 6 Oktober 2017. Daripada 8 pindaan tersebut, hanya 1 pindaan sahaja berkuatkuasa secara *retrospective* iaitu Seksyen 33B(2A) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360]. Peruntukan tersebut adalah berhubung dengan Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi yang menyatakan pemiutang tidak dibenarkan untuk membuat bantahan terhadap permohonan pelepasan bankrap dalam keadaan empat(4) kategori iaitu:

- (a) telah meninggal dunia;
- (b) seorang penjamin sosial;
- (c) bankrap yang mengalami penyakit serius yang disahkan oleh pegawai perubatan Kerajaan; dan
- (d) Orang Kelainan Upaya (OKU).

Namun, peruntukan di bawah Seksyen 60(1) Akta 1534 adalah berbeza yang menyatakan bahawa Akta ini tidak terpakai bagi penghutang atau bankrap yang telah mendapat Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (PP&PP) dibuat oleh Mahkamah sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan ianya bersifat *prospective*. Seksyen 60(1) Akta 1534 menyatakan seperti yang berikut:

“Kecualian

“60. (1) Akta ini tidak terpakai bagi penghutang atau bankrap yang terhadapnya perintah penerimaan atau penghakiman telah dibuat sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Apa-apa prosiding, tindakan atau perkara lain yang dikehendaki untuk dibuat di bawah Akta ibu yang masih belum selesai sebaik sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), subseksyen 33B(2A) hendaklah terpakai bagi orang yang telah dihukum bankrap sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.”.

Pindaan-pindaan lain yang juga telah dikuatkuasakan bermula dari tarikh 6 Oktober 2017 contohnya peruntukan yang baharu iaitu Mekanisme Penyelamat (*Voluntary Arrangement*) yang merujuk penyelesaian kes pra kebangkrapan, Pelepasan Automatik di bawah Seksyen 33C, kenaikan had minima kebangkrapan daripada RM30,000 kepada RM50,000 dan penyerahan notis penyampaian petisyen secara kediri.

Mekanisme pindaan yang diperkenalkan oleh Kerajaan bersifat *prospective* ini adalah bertujuan untuk mengimbangi kepentingan antara pemiutang dan bankrap. Ini juga membantu bankrap dalam menyelesaikan kes-kes kebankrapan dalam tempoh yang singkat. Sebagai contoh, permohonan Pelepasan Automatik di bawah Seksyen 33C telah membuka ruang yang baharu kepada bankrap untuk menyelesaikan kes dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pemfailan Penyataan Hal Ehwal (PHE). Pindaan-pindaan yang bersifat *prospective* ini juga mempunyai mekanisma pelaksanaan yang berbeza dengan kes-kes kebankrapan yang ditadbir sebelum dari tarikh pindaan 2017 berkuatkuasa. Oleh itu, pindaan-pindaan yang dibuat pada tahun 2017 tidak boleh berkuatkuasa secara *retrospective* kecuali hanya satu peruntukan seperti yang dinyatakan.

Justeru, pada masa kini Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda peruntukan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]****TARIKH : 4 APRIL 2019****SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah muzium dan galeri sejarah yang tersenarai secara rasmi dan berapakah terdiri daripada muzium persendirian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sehingga 28 Februari 2019, terdapat sebanyak 210 buah muzium dan galeri sejarah di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 buah merupakan muzium swasta / persendirian.

BIL	KATEGORI MUZIUM	JUMLAH MUZIUM
1	Muzium Persekutuan (Muzium-Muzium di bawah JMM)	22
2	Muzium-Muzium di bawah Kerajaan Negeri / PBT	111
3	Muzium Institusi	64
4	Muzium Swasta / Persendirian	13
	JUMLAH	210

Walau bagaimanapun, jumlah muzium yang dikenal pasti oleh JMM tidak menggambarkan jumlah keseluruhan muzium yang terdapat di Malaysia kerana penubuhan sesebuah muzium atau galeri tidak memerlukan pengesahan/pendaftaran dengan Jabatan Muzium Malaysia memandangkan ia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kejayaan yang dicapai dan cabaran yang dihadapi oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP2010) khusus untuk melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial demi kebaikan perniagaan dan pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Merujuk kepada senarai kejayaan dan cabaran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada April 2011 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 bertujuan melindungi proses persaingan bagi menggalakkan pembangunan ekonomi pada masa yang sama menjamin dan melindungi kepentingan pengguna. MyCC sebagai badan separa kehakiman boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat salah laku yang dilakukan oleh perniagaan. Tiga pelakuan yang anti-kompetitif ialah pakatan harga atau kartel, penyalahgunaan kedudukan monopoli atau dominan dan tipuan bida. Sekiranya terdapat pelanggaran oleh perusahaan atau perniagaan, perusahaan terbabit boleh dikenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan pusing ganti pendapatan mereka.

Sepanjang penubuhan MyCC, pelbagai kejayaan telah diperolehi di dalam memastikan berlakunya persaingan yang kompetitif di dalam pasaran. Tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh MyCC adalah meliputi pelbagai sektor pengeluaran dan perkhidmatan seperti pengangkutan, makanan, perolehan kerajaan, pembinaan dan sebagainya.

Antara contoh kes terbesar yang dihasilkan oleh Suruhanjaya ini ialah tindakan ke atas syarikat Malaysia Airlines System (MAS) dan AirAsia kerana telah berpakat untuk menetapkan laluan penerbangan mereka. Kedua-dua syarikat telah dikenakan penalti kewangan berjumlah RM10 juta bagi setiap syarikat. Selain itu, MyEG juga telah dikenakan penalti sebanyak RM9.64 juta kerana telah menyalahgunakan kedudukan monopoli mereka di dalam urusan pemprosesan Permit Lawatan Kerja Sementara bagi pekerja asing.

Dalam memastikan budaya persaingan diamalkan dan diteraju, MyCC juga telah berjaya melaksanakan program advokasi dimana MyCC telah bekerjasama dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan bagi memupuk budaya persaingan dalam fungsi awam terutama di bahagian perolehan. MyCC juga telah mengeluarkan empat (4) kajian pasaran bagi mengenalpasti kegagalan pasaran dalam pasaran broiler, pasarafarmaseutikal, bahan binaan dan penetapan fi oleh badan professional.

Antara cabaran yang dihadapi oleh MyCC adalah untuk memecahkan budaya anti-persaingan terutama kartel dan tipuan bida yang telah menjadi kebiasaan dalam kalangan para pemain industri dalam pasaran. Selain itu, Suruhanjaya ini adalah antara agensi persaingan paling kecil di dunia dari segi saiz dan juga bajet tahunan. Di samping itu, MyCC juga kekurangan tenaga pakar dan juga kekurangan Pegawai Penguatkuasa yang berpengalaman kerana sifat undang-undang persaingan yang sangat *niche* atau spesifik. Pemerkasaan berkenaan dengan undang-undang persaingan memerlukan pengalaman dan pengetahuan daripada pakar di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]
TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang diambil oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi terus memberi bimbingan kewangan terutamanya melibatkan pengurusan kewangan kepada golongan belia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menyeluruh telah dan akan terus diambil untuk meningkatkan keupayaan mengurus kewangan secara berkesan, khususnya kepada golongan belia sebagai salah satu kemahiran hidup yang penting untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang celik kewangan. Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah anak syarikat Bank Negara Malaysia (BNM) yang ditubuhkan pada tahun 2006, menawarkan khidmat nasihat dan kaunseling kewangan serta Program Pengurusan Kredit (PPK) secara percuma kepada orang ramai. AKPK juga giat menjalankan program pendidikan kewangan kepada orang ramai, termasuk golongan belia.
2. Antara inisiatif pendidikan kewangan yang telah dijalankan oleh AKPK untuk golongan belia adalah seperti berikut :-
 - i. Melaksanakan modul pengurusan kewangan peribadi di institusi-institusi pengajian tinggi melalui usaha sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pendidikan kewangan diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara. Dalam tahun 2018, AKPK telah melaksanakan lebih 460 sesi pendidikan kewangan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara;
 - ii. Menjalankan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) sejak 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya untuk golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman kewangan. Program POWER! mengandungi modul yang menyentuh isu yang dihadapi oleh kebanyakan

NO SOALAN : 8

golongan belia dalam menguruskan hal-ehwal kewangan mereka yang disampaikan secara interaktif, relevan dan kreatif. Antaranya ialah:

- a. Menganalisis dan menguruskan aliran tunai peribadi atau keluarga;
 - b. Memastikan hutang pada tahap yang mampu diurus; dan
 - c. Memberi kefahaman kepada bakal peminjam mengenai pertimbangan dan proses utama apabila mendapatkan pembiayaan untuk membeli rumah dan kereta, atau kemudahan kad kredit untuk kegunaan peribadi.
- iii. Menganjurkan program 'Social Enterprise Literacy for Youth' (SELFY) dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada kaedah pengurusan kewangan secara praktikal serta menekankan tanggungjawab sosial belia; dan
- iv. Mengadakan program 'Be Your Own Boss' dengan menyediakan tips kewangan kepada golongan pekerja untuk membangunkan portfolio kewangan mereka sendiri di samping meneruskan pekerjaan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2018, AKPK telah melaksanakan lebih 1,700 sesi pendidikan kewangan mengenai pengurusan kewangan peribadi yang disertai lebih daripada 1.2 juta orang, termasuk golongan belia. Setakat akhir tahun 2018, AKPK telah membantu lebih daripada 34 ribu golongan belia yang menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman menerusi PPK, dengan menstrukturkan semula pinjaman sehingga mereka berupaya mengawal semula kedudukan kewangan mereka.

4. Di samping itu, terdapat program-program pinjaman khusus bagi golongan belia yang sudah pasti dapat memperkasakan ekonomi melalui peluang pekerjaan, peluang melanjutkan pelajaran, memulakan perniagaan dan banyak lagi. Antaranya ialah:

a) BSN MyHome (Skim Perumahan Belia) direka untuk membantu belia yang bujang atau sudah berkahwin memiliki rumah pertama mereka dengan mudah.

b) Pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran menerusi pelbagai agensi seperti MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan dengan peruntukan RM3.8 bilion di mana RM2 bilion diperuntukan khusus kepada pelajar Bumiputera tajaan MARA.

c) Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan rangka kerja untuk platform ekuiti dana penajaan masyarakat dan Pinjaman P2P (peer-to-peer). Setakat ini, sebanyak RM170 juta dana telah dijana untuk 450 buah syarikat daripada pelbagai sektor melalui platform-platform ini. Hampir 10,000 individu yang telah melabur melalui platform pembiayaan alternatif ini, di mana 45% pelabur terdiri daripada golongan belia di bawah umur 35 tahun.

5. Untuk pengetahuan Yang Dipertua, berdasarkan data daripada Bank Negara Malaysia (BNM), pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan adalah pada nilai purata 8.74% dari tahun 2009 sehingga 2018. Ini menunjukkan kemudahan pembiayaan tersedia bagi mereka yang ingin mengambil peluang untuk membaik pulih kualiti hidup mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 9

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memperkenalkan subjek "*Mindfulness*" seperti yang diperkenalkan di United Kingdom untuk membantu menyelesaikan isu kesihatan mental di kalangan belia Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Subjek *Mindfulness* yang ditimbulkan oleh YB Julau yang dilaksanakan waktu ini di United Kingdom (UK) sebenarnya masih lagi dalam peringkat ujian rintis atau *pilot* dari tahun 2019 hingga tahun 2021 di negara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Julau, aspek *mindfulness* telah pun diajarkan dalam topik berkaitan pengurusan kesihatan mental dan emosi yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Kesihatan semenjak tahun 1989 lagi di negara ini di sekolah menengah dan pada tahun 1994 telah diperkenalkan di sekolah rendah pula. Silibus berkaitan *mindfulness* disemak dan telah ditambah baik mulai tahun 2011 dalam komponen Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS).

KPM berpandangan bahawa elemen *mindfulness* merupakan salah satu daripada *tool* ke arah peningkatan kesihatan mental dalam kalangan belia setelah melalui tempoh persekolahan. Langkah ini boleh membantu menyelesaikan isu kesihatan mental dalam kalangan belia di Malaysia.

NO. SOALAN : 9

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sememangnya memandang serius isu kesihatan mental dalam kalangan murid-murid dengan melaksanakan pelbagai usaha, antara lain seperti berikut:

1. Mempromosikan secara berterusan Program Minda Sihat di sekolah menengah bagi meningkatkan gaya daya tindak murid dalam pengurusan emosi dan gaya hidup sihat;
2. Melaksanakan Saringan *Depression, Anxiety and Stress Scale* dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak (*Coping Skill*) bagi pengesanan awal isu berkaitan kesihatan mental murid; dan
3. Pendekatan kaunseling krisis dilaksanakan sekiranya didapati bahawa murid yang dikenal pasti mengalami tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental. Guru Bimbingan dan Kaunseling akan merujuk kepada pihak pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan ke Klinik Kesihatan Daerah atau pun Hospital Pakar Psikiatrik.

Sekian, terima kasih.

RJM 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan murid kelas KAFA mengikut negeri dan apakah langkah yang diambil bagi menaik taraf kelas tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah penyelaras program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990, manakala dari segi operasi KAFA, ia dilaksanakan oleh agensi bertanggungjawab di peringkat negeri sama ada Jabatan/Yayasan Agama Islam Negeri.

Sehingga kini terdapat sebanyak **5,634 buah premis KAFA dan 33,200 orang guru KAFA**. Jumlah murid yang sedang mengikuti program KAFA di seluruh negara pula ialah seramai **978,661** orang dengan statistik mengikut negeri adalah sebagaimana berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH
1.	Johor	187,892
2.	Kedah	85,870
3.	Kelantan	108,076
4.	Melaka	45,926
5.	Negeri Sembilan	49,829
6.	Pahang	67,806
7.	Pulau Pinang	36,383
8.	Perak	94,395
9.	Perlis	15,225
10.	Selangor	94,092
11.	Terengganu	75,473
12.	Sabah	42,354
13.	Sarawak	61,578
14.	Wilayah Persekutuan	13,762
JUMLAH		978,661

Sumber: Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) sehingga Disember 2018

Tidak dapat dinafikan bahawa program KAFA yang sedang berjalan pada masa ini adalah bertujuan untuk memperkasa dan mengukuhkan penguasaan Pendidikan Islam dalam kalangan kanak-kanak peringkat rendah. Pada masa ini, Kerajaan melalui JAKIM memperuntukkan bayaran elaun guru KAFA sebanyak RM900.00 sebulan dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM117.00 sebulan kepada setiap guru KAFA.

Peruntukan ini disalurkan kepada Agensi Bertanggungjawab melaksanakan KAFA di negeri-negeri. Senarai Agensi Bertanggungjawab mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

NEGERI	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
Perlis	Jabatan Agama Islam Perlis
Kedah	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Pulau Pinang	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
Perak	Jabatan Agama Islam Perak
Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor
Wilayah Persekutuan	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Negeri Sembilan	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Melaka	Jabatan Agama Islam Melaka
Johor	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
Pahang	Jabatan Agama Islam Negeri Pahang
Terengganu	Yayasan Islam Terengganu
Kelantan	Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Sabah	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah
Sarawak	Jabatan Agama Islam Sarawak

Dari aspek premis yang melaksanakan program KAFA, ia terdiri daripada premis Kementerian Pendidikan Malaysia (sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama bantuan kerajaan), masjid, surau, balai raya dan bangunan persendirian manakala pelantikan guru KAFA

dilaksanakan oleh agensi bertanggungjawab dengan jumlah yang ditetapkan oleh JAKIM.

Bagi menaiktaraf program KAFA seluruh negara, Kerajaan sedang meneliti semula isu-isu pendidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan KAFA. Antaranya ialah:

- (a) Kedudukan KAFA dalam sistem pendidikan arus perdana.
- (b) Struktur pengurusan KAFA yang lebih mantap.
- (c) Penambahbaikan kurikulum dan buku teks.
- (d) Pentaksiran yang lebih menyeluruh.
- (e) Latihan yang lebih komprehensif.
- (f) Prasarana yang lebih kondusif.
- (g) Perjawatan yang lebih baik kepada penyelia dan guru.

Dalam aspek latihan keguruan, JAKIM telah mengadakan kerjasama dengan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk membangun dan melaksanakan modul latihan yang lebih sistematik bagi membolehkan guru-guru KAFA mendapat kelulusan ikhtisas atau Diploma Pendidikan oleh IPGM. Usaha ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2018 yang bersetuju dengan peluasan fungsi Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) dan menaik taraf Pusat Bahasa Arab di IPGKPI kepada Pusat Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Arab Kementerian Pendidikan yang akan memberikan latihan kepada semua pentadbir, guru, penyelia dan guru KAFA di bawah kawalan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).

Kerajaan juga sedang meneliti kebajikan guru-guru KAFA termasuk pengesyoran untuk pewujudan skim bagi guru-guru KAFA dan menaik taraf jawatan penyelia KAFA melalui penubuhan *Task Force* Pewujudan Jawatan Guru dan Menaik Taraf Jawatan Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai negeri-negeri dalam rangkaian yang termaju dan terkaya di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang dirancang untuk membantu negeri-negeri yang mundur dan miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Ia adalah penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau “*shared prosperity*”. Dalam mengetahui tahap kemajuan sesebuah negeri, ianya adalah berasaskan kepada prestasi ekonomi sesebuah negeri yang diukur berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dicatatkan.
2. Dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), iaitu 2016-2017, semua negeri mencatat pertumbuhan yang positif. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (termasuk WP Putrajaya), Sarawak dan Johor merupakan penyumbang utama pertumbuhan ekonomi yang merangkumi 57.5% daripada KDNK nasional.
3. WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Sabah, Melaka, Selangor, Johor dan Pulau Pinang, mencatat kadar pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak 5.1%. Pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi negeri yang lebih bergantung kepada industri

komoditi (pertanian dan perlombongan) seperti negeri Kedah, Kelantan, Sabah & Sarawak antaranya telah terjejas akibat dari ketidakstabilan harga komoditi dan fenomena El-Nino.

4. Ketidaksamaan ekonomi antara negeri semakin melebar meskipun terdapat trend peningkatan KDNK per kapita di semua negeri. Ketidaksamaan ini disebabkan oleh perbezaan aktiviti ekonomi antara negeri. Dalam hal ini, negeri Kelantan, Kedah, Perlis dan Sabah yang didominasi oleh sektor tradisional (pertanian), mencatat jurang KDNK per kapita yang besar berbanding purata nasional sebanyak RM42,228 pada tahun 2017. Sebagai contoh, negeri Kelantan mencatat KDNK per kapita yang paling rendah (RM13,593) pada 2017, di mana merupakan perbezaan sebanyak 67.8% di bawah purata nasional

Tuan Yang di-Pertua,

5. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ke-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang. Tiga bidang keutamaan yang dinyatakan dalam KSP RMKe-11 ialah:
 - (i) Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah;
 - (ii) Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar; dan
 - (iii) Mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak.

6. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Di bawah *Rolling Plan* 4 (2019) RMKe-11, negeri-negeri tersebut telah pun diperuntukkan sejumlah RM13.2 billion atau 24.1% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan.
7. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 10.6%, iaitu sebanyak RM1.26 billion daripada tahun sebelumnya (RM11.9 bilion pada 2018). Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 349 projek baharu dan 1,696 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

Tuan Yang Dipertua,

8. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan "*shared prosperity*", Kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara wilayah, antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
4 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
PERTANYAAN : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]
TARIKH : 04.04.2019 (KHAMIS)

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan **mekanisme yang sedang dilaksana** oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang oleh pembekal dan pemborong.

NO. SOALAN: 40

PERTANYAAN : LISAN
PERTANYAAN : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]
TARIKH : 04.04.2019 (KHAMIS)

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha Kerajaan berkenaan harga barang masih tidak dikawal sehingga mengakibatkan rungutan orang ramai terutamanya golongan B40 yang menghadapi kesusahan. Bagi golongan yang berpendapatan tinggi mungkin tiada masalah untuk menampung perbelanjaan seharian mereka tetapi bagi golongan yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang akan mengalami masalah mencari rezeki dan juga terbeban dengan keadaan ekonomi semasa yang dikatakan masih tidak stabil dan menyukarkan urusan mereka seharian. **Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.** Pihak Kementerian perlu prihatin terhadap perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali pertanyaan dengan Yang Berhormat Padang Serai pada hari ini kerana ia menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu **kawalan harga barang dan kos sara hidup**.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil perhatian yang serius terhadap rungutan orang ramai dan bertindak memantau mana-mana peniaga dalam negara bagi memastikan harga barang di pasaran adalah berpatutan. Pelbagai langkah serta inisiatif bagi menyediakan barangan keperluan terutamanya yang lebih berpatutan untuk dinikmati rakyat umumnya telah dan sedang dilaksanakan.

Antara langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil adalah melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang ditubuhkan dibawah KPDNHEP berfungsi sebagai badan utama bagi menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu serta mencapai impak yang lebih maksimum demi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

Kementerian ini juga turut mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya berkaitan harga barangan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Memperluaskan inisiatif Foodbank Malaysia ke Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia bagi membantu graduan - graduan yang

NO. SOALAN : 12

kurang berkemampuan dan masih meneruskan pemberian ke golongan yang kurang berkemampuan.

- ii. Memanjangkan tempoh kawalan harga bagi Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada musim-musim perayaan utama;
- iii. Mencadangkan supaya menambah bilangan barangan keperluan di dalam senarai barang kawalan yang ditetapkan oleh KPDNHEP;
- iv. mewujudkan Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR) dan Special Action Squad (SAS) untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat dan pantas;
- v. menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian; dan
- vi. mempromosikan medium interaktif bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan, contohnya aplikasi mobil Ez Adu.
- vii. membasmi kegiatan kartel dan monopoli yang secara tidak langsung menyumbang kepada ketidaktentuan pasaran dan industri dari aspek harga, bekalan dan perkhidmatan contohnya Bernas, Puspakom, MyEG dan Pharmaniaga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN PRABAKARAN A/L
PARAMESWARAN [BATU]
TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Y.B. TUAN PRABAKARAN A/L PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkaitan Bantuan Sara Hidup, bagaimana jika kos pendapatan isi rumah melebihi RM4000 sebulan tetapi mempunyai nilai tanggungan yang tinggi seperti mempunyai anak yang ramai atau mempunyai tanggungan yang mengidap sakit kronik. Adakah pemohon masih layak untuk memohon atau tidak. Jika layak, adakah pihak agensi sedia maklum dengan perkara ini dan adakah garis panduan telah ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

2. Untuk melayakkan menerima BSH 2019, tempoh pendaftaran/ pengemaskinian telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019 dan pemohon yang layak perlu mendaftar dan mengemaskinkan maklumat isi rumah yang berkaitan. Secara amnya, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan layak untuk menerima BSH. Pendekatan BSH adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan untuk menyasarkan bantuan hanya kepada golongan yang layak menerimanya, iaitu golongan yang amat perlukan bantuan bagi menghadapi kos sara hidup.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 14

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan projek bekalan elektrik solar hybrid di Long Bedian Apoh, Long Atip Apoh , Long Wat Apoh serta pelaksanaan sistem grid di kawasan Sg. Peking dan Kawasan Sebu bu Beluru yang diluluskan Kerajaan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Long Bedian Apoh, Long Atip Apoh, Long Wat Apoh adalah di dalam peringkat pelaksanaan. Berdasarkan kepada tempoh pelaksanaan projek, ketiga-tiga rumah panjang tersebut akan mendapat bekalan elektrik 24 jam selewat-lewatnya pada akhir April 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek BELB secara talian grid di kawasan Sungai Peking dan Kawasan Sebu bu Beluru masih dalam pembinaan. Namun begitu, kelewatan telah berlaku disebabkan pengurusan kontraktor yang lemah. Projek ini diteruskan secara berdenda sehingga projek siap dengan pemantauan yang rapi oleh pihak Kementerian dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan September 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 15

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senaraikan kesemua projek tebatan banjir yang sedang dan telah dilaksanakan di dalam Parlimen Nibong Tebal. Adakah perancangan jangka panjang tebatan banjir di sepanjang Sungai Jawi Parlimen Nibong Tebal yang sering dilanda banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang sedang dilaksanakan di Parlimen Nibong Tebal adalah RTB Lembangan Sungai Kerian - Kerja-kerja Membina Ban dan Struktur di Kg. Tanjung Berembang/ Taman Sempadan dan Kg. Teluk Ipil/ Kg. Teluk, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek ini sedang dilaksanakan ditapak dengan kemajuan fizikal sebenar adalah 94% daripada 98% (jadual) dan dijangka siap pada Jun 2019. Jumlah kos projek RTB Kerian Pulau Pinang termasuk kos pengambilan tanah ialah RM97.4 juta. Peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan projek RTB Kerian adalah daripada Pakej Rangsangan Khas (PFI 2) bermula tahun 2012.

Projek RTB yang akan dilaksanakan pula adalah projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek ini diluluskan di dalam *Rolling Plan-4* (2019) RMKe-11 dengan kos siling projek sebanyak RM16.5 Juta.

Perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di sepanjang Sungai Jawi Parlimen Nibong Tebal adalah dengan melaksanakan kajian komprehensif bagi menyelesaikan masalah banjir secara holistik di Pulau Pinang dan Kedah dengan mengambil kira impak aliran air, faktor perubahan iklim (banjir monsun dan banjir kilat), pembangunan dan perubahan guna tanah di lembangan sungai yang terlibat di Negeri Kedah dan Pulau Pinang. Ini adalah kerana hulu lembangan Sungai Jawi berada di dalam Negeri Kedah dan sebarang aktiviti dilembangan Sungai Jawi di Negeri Kedah akan memberi kesan kepada hilir sungai Jawi di Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengembalikan semula sistem kad siswa bagi kemudahan mahasiswa membeli buku akademik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media pada 24 Februari 2019 memaklumkan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) akan diteruskan pada tahun 2019.

Bantuan tersebut akan disalurkan menggunakan mekanisme sedia ada iaitu kad debit Bank Rakyat, yang merupakan penambahbaikan daripada sistem baucar buku sebelum ini. Bantuan bernilai RM100 seorang akan mula disalurkan pada hujung bulan Mac 2019 kepada 1.2juta pelajar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM120 juta.

Bantuan ini adalah tanda keprihatinan Kerajaan dalam usaha untuk membantu meringankan kos sara hidup pelajar.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]
TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah komponen "contingent liability" dalam hutang negara pada akhir 2017 dan 2018 serta jumlah liabiliti tersebut yang sudah menjadi kenyataan dan perlu dibayar pada tahun-tahun tersebut. Berapakah jangkaan liabiliti yang perlu dibayar dalam tempoh lima tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jaminan Kerajaan ke atas pinjaman oleh syarikat atau badan berkanun mencatatkan jumlah RM238.2 bilion pada akhir 2017. Jumlah jaminan Kerajaan meningkat sebanyak RM28.3 bilion kepada RM266.5 bilion pada akhir 2018 terutamanya disebabkan pertambahan pinjaman berjamin oleh DanaInfra Nasional Berhad (RM10.6 bilion), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (RM6.3 bilion), Suria Strategic Energy Resources Sendirian Berhad (RM5.0 bilion), Prasarana Malaysia Berhad (RM4.8 bilion) dan Malaysia Rail-Link Sendirian Berhad (RM4.4 bilion). Walau bagaimanapun, terdapat jaminan yang berkurang iaitu pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sebanyak RM2.5 bilion dan Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM2.0 bilion.

2. Daripada jumlah jaminan pada akhir 2018, sebanyak RM124.5 bilion merupakan liabiliti yang perlu ditanggung secara langsung oleh Kerajaan bagi 8 buah syarikat, iaitu:

- Asset Global network Sdn Bhd
- Danainfra Nasional Berhad
- Govco Holdings Berhad
- Jambatan kedua Sdn Bhd
- KL International Airport Berhad
- Prasarana Malaysia Berhad
- Malaysia Rail-Link Sdn Bhd
- Suria Strategic Resources Sdn Bhd

3. Selain itu, hutang syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) juga perlu ditanggung oleh Kerajaan. Sehingga akhir 2018, jumlah hutang 1MDB adalah sebanyak RM31.6 bilion, termasuk jaminan Kerajaan ke atas sukuk yang diterbitkan pada 2009 sebanyak RM5 bilion. Sebanyak RM26.6 bilion dijangka matang dalam tempoh lima tahun akan datang

dan baki hutang 1MDB dijangka berjumlah RM5.0 bilion pada akhir 2023. Perlu ditegaskan bahawa RM31.6 bilion ini adalah jumlah prinsipal sahaja. Bersama dengan jumlah faedah sebanyak RM11 bilion dan bantuan kewangan daripada Kementerian Kewangan kepada 1MDB sebanyak RM8.3 bilion, jumlah keseluruhan liabiliti 1MDB adalah sebanyak RM50.9 bilion.

4. Kerajaan sedang melaksanakan langkah bagi memastikan pendedahan hutang dan liabiliti luar jangka adalah di paras yang lebih terkawal. Langkah ini termasuk mengkaji semula projek yang berkos tinggi dan mengenal pasti hutang jaminan berkos pembiayaan yang tinggi yang dapat distruktur semula. Selain itu, Kerajaan perlu meneruskan melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan bagi memastikan konsolidasi fiskal. Dengan langkah-langkah ini, defisit akan terus berkurang dan tahap pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan akan turut dikurangkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilaksanakan pihak Kementerian bagi membantu golongan wanita yang kerap menjadi mangsa "scammer" sama ada menerusi panggilan telefon ataupun media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (*Beijing Platform for Action*), Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration).

Dasar ini memberi panduan dan hala tuju dalam isu kesejahteraan dan pembangunan wanita terutamanya aspek keselamatan dan perlindungan terhadap wanita. Bagi mengelakkan wanita menjadi mangsa "scammer" sama ada menerusi panggilan telefon ataupun melalui aplikasi media sosial; pendidikan dan kempen kesedaran seperti hebahan di media massa secara meluas dilakukan dengan kerjasama pelbagai agensi yang berkaitan mengenai sindiket seumpama ini.

Antaranya dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran di radio, televisyen dan menerusi platform media lain. Menerusi kempen ini, pihak Kementerian telah menjemput PDRM dan agensi-agensi yang berkaitan untuk memberi ceramah kesedaran tentang penipuan atas talian yang semakin berleluasa sehingga ke hari ini.

Pihak PDRM juga telah membangunkan satu portal untuk memudahkan pihak awam untuk menyemak nombor-nombor telefon pemanggil dan akaun bank yang digunakan oleh pemanggil bagi urusan pindahan wang mangsa ke akaun pemanggil. Ianya boleh disemak melalui portal <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

SOALAN NO. 18

Berikut adalah **peningkatan** statistik mangsa wanita yang terjerumus dalam sindiket penipuan atas talian dari tahun 2017 hingga 2018 serta jumlah kerugian yang dialami:-

TAHUN	2017	2018
JUMLAH MANGSA WANITA	4,178	4,965
JUMLAH KERUGIAN	RM 99,984,423.00	RM 224,653,895.18

Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19 peratus kes dan peningkatan sebanyak 124 peratus jumlah kerugian. Menyedari seriusnya kesan “*scammer*” ini ke atas wanita, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program Wanita Anti Jenayah (WAJA) dalam menangani isu-isu berkaitan penganiayaan terhadap wanita. Program WAJA yang dilaksanakan bermula tahun 2012 bertujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya mengenai jenayah melalui seminar dan ceramah. Pada tahun 2018, seramai 3,540 peserta telah terlibat dengan program ini di mana ia dilaksanakan di semua Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Dengan adanya program WAJA ini, diharap kesedaran wanita mengenai bentuk penipuan terbaharu seperti melalui panggilan telefon atau media sosial akan meningkat dan seterusnya akan dapat mengurangkan kes *scammer* di dalam negara.

Untuk rekod, bagi tahun 2016 sehingga 2018 mendapati tiada laporan atau aduan yang diterima daripada golongan wanita berkenaan isu ini menerusi Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 19

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam pembaharuan pembangunan Bumiputera bagi program perniagaan dan pendidikan, khususnya golongan berpendapatan rendah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sentiasa memainkan peranan aktif dalam pembangunan masyarakat bumiputera dalam bidang pendidikan dan keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Dalam membantu golongan berpendapatan rendah di Sabah, MARA telah menjalankan program fokus menerusi program keusahawanan dan pendidikan. Menerusi program keusahawanan, MARA telah menyediakan ekosistem yang lengkap kepada usahawan meliputi program latihan keusahawanan, penyediaan premis perniagaan yang kondusif dan juga kemudahan pembiayaan perniagaan.

Pada tahun 2018, sebanyak 2,059 usahawan Sabah telah menerima manfaat hasil dari peruntukan berjumlah RM627,540 yang telah dibelanjakan kepada usahawan bagi program latihan keusahawanan. Menerusi program ini sebanyak 50 orang usahawan baru berjaya diwujudkan.

Sebanyak 300 premis perniagaan dan perusahaan MARA telah disediakan oleh MARA di seluruh negeri Sabah, daripada jumlah tersebut sebanyak 247 lot premis perniagaan dan perusahaan MARA telah disewakan. Seramai 399 orang usahawan negeri Sabah telah menerima kemudahan pembiayaan perniagaan MARA dengan kelulusan berjumlah RM27 juta pada tahun 2018.

Untuk tahun 2019, sebanyak RM1.3 juta diperuntukkan untuk program latihan keusahawanan bagi negeri Sabah yang akan memberi manfaat kepada 1,194 peserta. Bagi program pembiayaan perniagaan pula, sebanyak RM22.2 juta diperuntukkan bagi memberi manfaat kepada 305 orang usahawan di seluruh negeri Sabah.

Dalam bidang pendidikan pula, terdapat 33 buah IPMa di negeri Sabah meliputi Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Institut Kemahiran MARA (IKM), GIATMARA dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM). Sehingga 2018 terdapat seramai 333,066 orang pelajar telah mengikuti pengajian di IPMa tersebut. Bagi pengambilan pelajar baharu MRSM tahun 2019 di negeri Sabah, lebih 55% adalah terdiri dalam kalangan keluarga B40. Bagi IKM dan GiatMARA pula, peratusan golongan B40 yang mengikuti pengajian adalah sebanyak 87%. Manakala KPTM Semporna mencatatkan pengambilan pelajar B40 sebanyak 90.5%.

Bagi menyediakan kemudahan pendidikan yang lengkap di Sabah, pembinaan KPM Sipitang telah diluluskan di bawah RMKe-11 (RP4 tahun 2019) dengan kapasiti seramai 1,000 orang pelajar. Projek pembinaan MRSM Ranau dengan usahasama Petronas dengan kapasiti 450 orang pelajar juga akan dilaksanakan. Projek ini akan membantu meningkatkan lagi pembangunan modal insan dan ekonomi di Sabah.

Melalui program-program yang dilaksanakan oleh MARA dalam bidang keusahawanan dan pendidikan di negeri Sabah, jelas sekali peranan dan usaha MARA dalam membantu masyarakat berpendapatan rendah di Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kekangan yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan pembinaan Hospital Pendang dan adakah peruntukan Hospital Pendang telah dinaikkan atau dikurangkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah memulakan kerja pembinaan yang mana tarikh masuk tapak projek ialah pada **7 Mei 2018** dan dijangka siap pada **1 November 2021**. Prestasi kemajuan fizikal projek ini sehingga Februari 2018 sebanyak **2.4% sebenar** berbanding **4.7% jadual**. Pada masa ini, kerja-kerja pembersihan tapak pembinaan telah pun selesai dan kerja-kerja tanah sedang dijalankan di tapak. Lukisan zon-zon jabatan dan perkhidmatan telah dimuktamadkan. Pada masa ini, projek ini masih di dalam kategori mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]
TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk menyemak semula kos pendaftaran masuk yang tinggi ke sekolah berasrama penuh khususnya ke sekolah menengah sains di seluruh negara yang membebankan rakyat berpendapatan rendah. Terdapat kos pendaftaran masuk yang melebihi RM1000 sehingga ada yang terpaksa membatalkan niat menghantar anak ke sana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada kos pendaftaran yang dikenakan bagi kemasukan murid ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Walau bagaimanapun bayaran atau kos yang ditanggung oleh ibu bapa adalah termasuk penyediaan keperluan asas seperti peralatan, pakaian, dan juga bayaran yuran makan asrama.

Untuk memastikan bahawa kutipan bagi bayaran keperluan asas tersebut tidak membebankan ibu bapa, Kementerian telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/ Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini tiada aduan rasmi yang diterima oleh KPM berkaitan kos pendaftaran masuk ke SBP melebihi RM1000.00. KPM akan membuat penyiasatan terperinci sekiranya aduan diterima.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 22

Datuk Aaron Ago Dagang [KANOWIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses yang sedang diambil oleh Kerajaan pusat dalam rundingan / negotiation ke atas penurunan kuasa atau “devolution of powers” untuk Sarawak. Apakah hasil terkini daripada proses rundingan tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan

skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 untuk meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan bersetuju agar Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia disama ratakan sebagai rakan kongsi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS
ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program PLKN telah dimansuhkan, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam membela nasib kakitangan kontrak PLKN.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Susulan pemansuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), seramai 2,116 orang kakitangan kontrak tidak disambung kontrak yang berakhir pada 31 Disember 2018.
2. Kerajaan telah bersetuju untuk menawarkan *soft landing* pelantikan kontrak antara 1 Januari dan 31 Disember 2019 kepada 2,116 orang kakitangan kontrak Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Keputusan ini tertakluk kepada kekosongan jawatan di kementerian dan agensi serta kesesuaian kakitangan kontrak ke atas sesuatu skim perkhidmatan.
3. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 30 November 2018 telah mewujudkan satu *profiling survey* untuk mengenal pasti kecenderungan dan kelebihan kakitangan yang terlibat. Hasil maklumat *profiling* tersebut, dimaklumkan bahawa JPA telah melantik kakitangan kontrak yang bersesuaian ke jawatan-jawatan kosong di kementerian dan agensi. Sehingga kini, seramai 868 orang kakitangan kontrak telah dilantik di pelbagai kementerian dan agensi manakala 332 orang kakitangan kontrak dalam tindakan pihak JPA. Jumlah ini bertambah apabila seramai 42 orang kakitangan kontrak ini telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29 bagi Program *Malaysia Future Leader School* (MFLS) berkuat kuasa 4 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN : 24

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara jelas prosedur operasi standard siasatan terhadap individu yang disyaki positif dadah dan berapa lamakah masa diambil untuk mendapatkan pengesahan ujian patologi. Serta mengapakah ujian air kencing terhadap anak Menteri Kerajaan pada ketika ini mengambil masa yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Arahan Pentadbiran yang khusus dalam pengendalian pengambilan sampel air kencing terhadap individu yang disyaki positif dadah. Arahan berkenaan seperti yang terkandung dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Bahagian F103 (Tatacara Pengambilan Air Kencing dan Penguatkuasaannya di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Akta 284) dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), PTKPN ini akan dibaca bersama dengan Arahan Pentadbiran Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik No. 9/2007 (Panduan pengambilan spesimen air kencing dari orang yang disyaki pengguna dadah untuk ujian di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) dan Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik No. 8/2011 (Laporan Polis bersangkutan kes-kes di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952).

Bagi siasatan yang dibuat mengikut Seksyen 15 (1) (a), Akta Dadah Berbahaya 1952, prosedur dan tindakan yang perlu diikuti oleh Pegawai Penyiasat seperti berikut:-

- i) Sampel air kencing akan dihantar ke Jabatan Patologi, Hospital Kerajaan terdekat yang mempunyai kemudahan untuk membuat pengesanan dalam tempoh tidak melebihi 48 jam atau dalam tempoh masa munasabah;
- ii) Tahanan reman akan dipohon kepada Mahkamah untuk tujuan siasatan lanjut atau saspek akan dilepaskan dengan jamin Polis mengikut peruntukan di bawah Seksyen 387 Kanun Keseksaan; dan
- iii) Sekiranya laporan Jabatan Patologi, mengesahkan saspek positif dadah, pegawai penyiasat perlu mendapatkan arahan tuduh daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Berkaitan tempoh masa untuk menyiapkan laporan terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Patologi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kementerian Dalam Negeri (KDN) difahamkan tempoh masa untuk penyediaan laporan pengesanan sample air kencing bergantung kepada jenis dadah dan jumlah sampel yang diterima untuk dibuat analisa.

Bagi kes anak menteri yang disiasat di bawah Seksyen 15(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952, laporan patologi telah diterima oleh PDRM. Kertas siasatan bagi kes tersebut telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara dan arahan telah diterima untuk menuduh suspek di mahkamah. Tindakan untuk menuduh akan diambil dalam tempoh yang terdekat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh pelaksanaan pembinaan Hospital Kapar sepertimana yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada dasarnya bersetuju agar sebuah Hospital berkapasiti 500 katil dibina di daerah Kapar, Selangor. Projek tersebut dicadangkan dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan, di mana KKM akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi membolehkan kerja-kerja awalan bagi Projek ini dilaksanakan bermula daripada *Rolling Plan* 4 (2020), Rancangan Malaysia ke-11. Pada masa yang sama, KKM telah pun memulakan proses perancangan keperluan Projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN
BIN YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang telah diberi "Approved Permit" (AP) bagi mengimport sisa plastik dari luar negara ke Malaysia dan adakah terdapat sebarang perancangan untuk kerajaan menghapuskan permit kelulusan ini pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019 sebanyak 19 syarikat telah diberi *Approved Permit* (AP) oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bagi mengimport sisa plastik dari luar negara ke Malaysia. 19 syarikat tersebut telah berjaya mematuhi dan melepasi syarat-syarat baharu serta lulus pemeriksaan premis di lapangan oleh pegawai pemeriksa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

2. KPKT tidak bercadang untuk menghapuskan permit mengimport sisa plastik kerana mengambil kira sumbangan industri kitar semula sisa plastik kepada ekonomi negara serta kepentingan sosial. KPKT telah menetapkan hanya menerima sisa plastik bernilai tinggi daripada sumber industri dan *post-consumer* serta telah meningkatkan standard operasi kilang. Antara syarat-syarat utama yang dikenakan ke atas pengimport adalah:

- (i) mendapat kelulusan pematuhan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);
- (ii) mempunyai ruang simpan yang bersesuaian dan mengamalkan *good housekeeping*; dan
- (iii) menjalankan operasi di kawasan / zon industri yang bersesuaian.

Dalam hal ini, pihak Kementerian telah mengedarkan surat kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 15 Februari 2019 supaya kilang pemprosesan sisa plastik ditempatkan dalam satu zon industri bagi memastikan lokasi tersebut sesuai dengan aktiviti yang dijalankan serta memudahkan pemantauan pihak berwajib.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2019 telah bersetuju supaya perkara-perkara berkaitan penetapan kuota bagi pengimportan sisa plastik, penentuan kadar fi lesen dan fi verifikasi bagi setiap tan sisa plastik yang diimport dan pengecualian keperluan AP bagi mendapatkan sumber sisa plastik dari kawasan Zon Perindustrian Bebas (FIZ) diperincikan semula bersama pihak-pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KRIAN]
TARIKH : 4 April 2019 (Khamis)

SOALAN : 27

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Krian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan para hakim dan Peguam Negara menjaga etika tingkah laku mereka supaya institusi tersebut kekal di atas prinsip keadilan, berintergriti dan tidak pilih kasih.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah bagi memastikan para hakim menjaga etika tingkah laku mereka supaya institusi tersebut kekal di atas prinsip keadilan, berintegriti dan tidak pilih kasih bermula daripada proses pemilihan lagi sebagaimana yang terkandung dalam Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009, seksyen 23 (1) yang menetapkan kriteria pemilihan calon yang mesti diambil kira oleh Suruhanjaya. Antara kriteria itu ialah:

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik;
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

Hakim-hakim yang dilantik ini adalah tertakluk kepada Kod Etika Hakim 2009 yang menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan yang tinggi.

Kod Etika Jabatan Peguam Negara telah dikeluarkan pada 1 Julai 2010. Semua warga Jabatan Peguam Negara termasuklah Peguam Negara diwajibkan untuk mematuhi Kod Etika tersebut.

Antara nilai-nilai yang dititikberatkan dalam Kod Etika tersebut adalah keperluan untuk memastikan bahawa setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran selaras dengan etika, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Setiap tindakan dan keputusan yang dibuat hendaklah melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan. Kod Etika tersebut turut menggariskan kepentingan untuk sentiasa membuat pertimbangan yang saksama semasa membuat keputusan dalam setiap tindakan berasaskan undang-undang, peraturan-peraturan, arahan pentadbiran, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 29

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Kerajaan tidak mahu menjadikan semua pekerja pembersihan dan keselamatan di sekolah-sekolah awam sebagai kakitangan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tender Perkhidmatan Pembersihan dan Keselamatan Sekolah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut prosedur yang telah ditetapkan pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Tender dilaksanakan secara tender terbuka dan ditawarkan kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Pemilihan syarikat dilakukan dengan penuh teliti bagi menjamin pelaksanaan kontrak sepenuhnya dan pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kontrak dapat melunaskan perjanjian kontrak yang dipersetujui antara Kementerian dan syarikat.

KPM melaksanakan perolehan perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) dan perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) di sekolah-sekolah Kerajaan bagi tempoh tiga (3) tahun. Berdasarkan terma dan syarat kontrak KBK dan PKK, pihak kontraktor telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan pekerja dan membayar gaji mengikut Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011. Tanggungjawab untuk melantik pekerja dan menjaga kebajikan pekerja terletak sepenuhnya ke atas kontraktor berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh KPM. Sekian, terima kasih. RJM 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRUS [JERANTUT]

TARIKH : 4 APRIL 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idrus [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah aset-aset Tabung Haji diletakkan di bawah Bank Negara diselia Kementerian Kewangan, apakah justifikasi yang menjurus kepada alasan untuk mengawal selia aset tersebut daripada sebarang salah guna atau pencerobohan hak kerana selama ini semua sedia maklum Tabung Haji telah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji diletakkan dibawah kawal selia Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan tahap tadbir urus dan kepercayaan orang awam terhadap Lembaga Tabung Haji.

Sebagai sebuah institusi yang mempunyai 9.2 juta pendeposit dengan deposit berjumlah RM74.4 bilion, keputusan pelaburan dan tadbir urus korporat sebelum ini hanya ditentukan oleh beberapa individu sahaja, iaitu Anggota Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Penyeliaan Bank Negara hanya merangkumi aktiviti pengambilan deposit di Tabung Haji, memberi penekanan terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman, serta pengurusan mudah tunai.

Proses kawal selia Bank Negara Malaysia ke atas semua institusi kewangan di dalam Negara, termasuk institusi kewangan Islam, adalah terbukti dan ini telah menjadikan Malaysia sebagai hub global untuk kewangan Islam. Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

Dato' Dr. Hj. Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan setakat manakah kajian telah dilakukan untuk mewujudkan projek pemindahan air dari Hulu Sg. Perak ke atas Tasek Bukit Merah yang dikatakan akan menyelesaikan masalah pengairan sawah padi di Daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan Serai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program National Water Balance Management System (NAWABS) yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* (RMKe-11) adalah termasuk skop kajian NAWABS Lembangan Sungai Perak, Sungai Kurau dan Sungai Kerian.

Program NAWABS Fasa 1 (2016 – 2020) dan Fasa 2 (2019 – 2022) yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) akan menyediakan satu sistem maklumat yang mampu membuat ramalan dan amaran kemarau sumber air lebih awal iaitu ramalan 2 bulan dan amaran 14 hari ke hadapan. Program ini sedang diperluaskan ke seluruh lembangan sungai di Malaysia termasuk di Sungai Perak, Sungai Kerian dan Sungai Kurau. Ketiga-tiga lembangan sungai di Negeri Perak ini akan dilaksanakan dalam NAWABS Fasa 2. Objektif program ini adalah membantu pihak Pengurusan Sumber Air Negeri dalam menyediakan ketersediaan maklumat sumber air secara *real time*.

Pelantikan perunding melalui tender dijangka pada bulan Jun 2019 untuk melaksanakan kajian NAWABS Lembangan Sungai Perak, Sungai Kurau dan Sungai Kerian. Kajian ini antaranya juga akan mengkaji kecukupan sumber air serta mengenalpasti potensi serta kesesuaian pemindahan air dari satu lembangan sungai ke lembangan sungai yang lain (*inter-basin transfer*).

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 APRIL 2019 (RABU)

**DARIPADA : Dato' Takiyuddin bin Hassan
[Kota Bharu]**

SOALAN : 31

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap laporan dan rekomendasi penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 20 Februari 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi membuat siasatan berhubung dengan dakwaan salah laku hakim-hakim kanan melalui affidavit oleh YA Datuk Dr. Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, Hakim Mahkamah Rayuan. Tindakan mengenai penubuhannya adalah selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*]. Di bawah Seksyen 2 Akta tersebut, secara jelas menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih bagi melaksanakan siasatan tersebut.
2. Selepas siasatan selesai dijalankan, Suruhanjaya Siasatan Diraja ini akan kemukakan satu laporan kepada Kerajaan yang turut mengandungi apa-apa tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.
3. Walaubagaimana pun, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ini masih tertakluk kepada tindakan lanjut daripada pihak Pejabat Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
(BEAUFORT)

TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) statistik pengangguran di Sabah terutamanya golongan belia dari tahun 2018 - 2019 ; dan
- (b) apakah inisiatif Kerajaan yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya golongan belia di Sabah.

PN-1412- L03508

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik pengangguran di Sabah terutamanya golongan belia dari tahun 2018-2019 dilaporkan adalah pada kadar 5.6% iaitu dengan mengambilkira belia-belie yang masih belajar di Sekolah Menengah/ IPTA/IPTS/Kolej Swasta/Kerajaan/Pusat Latihan yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

2. Di antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah pengangguran golongan belia di Sabah ialah seperti berikut :

i) **Mempromosikan Portal *JobsMalaysia 2.0***

Portal *JobsMalaysia 2.0* telah ditambah baik dan promosi giat dijalankan di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS/Kolej Swasta dan di sektor Kerajaan untuk mendaftar sebagai pencari kerja. Portal ini merupakan medium yang dibangunkan oleh Kerajaan Sumber Manusia dan perkhidmatan yang ditawarkan pula ialah secara percuma, murah dan cepat di dalam mendapatkan maklumat berkenaan peluang-peluang pekerjaan disamping memberikan pengetahuan untuk persediaan memasuki alam pekerjaan secara atas talian.

Pencari kerja boleh terus memohon atas talian dan memilih jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat

mereka. Dari sumber data *Jobsmalaysia* sehingga Februari 2019 seramai lebih 20,000 pencari kerja pelbagai latarbelakang akademik telah mendaftar dalam portal ini;

ii) **Penganjuran Program Karnival Pekerjaan**

Program Karnival Pekerjaan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah adalah sebagai platform mempertemukan majikan yang berpotensi dan menawarkan peluang-peluang pekerjaan di pelbagai sektor dari seluruh Sabah termasuk dari Semenanjung Malaysia. Usaha ini dilakukan secara berterusan dan diadakan di setiap daerah yang ada di negeri Sabah ini. Pada tahun 2018, Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah berjaya menempatkan seramai 16,356 pencari kerja di pelbagai jenis pekerjaan di Sabah dan termasuk di Semenanjung Malaysia melalui 39 program yang telah diadakan.

iii) **Program Penempatan Melalui Kembara Kerjaya**

Kembara Kerjaya merupakan Program Berimpak Tinggi yang telah menjadi Program utama Kementerian Sumber Manusia yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah yang melibatkan perjalanan pacuan empat roda secara konvoi dan mobiliti dengan membawa majikan, penyedia latihan dan agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri ke daerah-daerah termasuk Luar Bandar dan sasaran melalui program ini ialah penempatan pekerjaan. Pada tahun 2018, melalui program ini seramai 1239 pencari kerja telah berjaya

ditempatkan di 5 (lima) lokasi terpilih di sepanjang konvoi dan mobiliti ini berlangsung.

iv) **Mengadakan Perkhidmatan Ceramah Kerjaya dan Pameran Kerjaya**

Memberi Ceramah-ceramah Kerjaya, Pameran-pameran Kerjaya melalui kerjasama dengan pihak sekolah/ IPT serta Kolej Swasta. Melalui program ini Jabatan Tenaga Kerja juga turut membawa bersama majikan-majikan yang memerlukan tenaga kerja. Pada tahun 2018 sebanyak 167 ceramah kerjaya dan 161 pameran kerjaya telah dijalankan di seluruh Sabah. Hasil daripada program Ceramah Kerjaya dan Pameran Kerjaya yang dijalankan dapat membantu para pelajar berkongsi awal tentang peluang-peluang pekerjaan yang diperlukan oleh pasaran buruh semasa dan memotivasi pelajar untuk persiapan ke alam pekerjaan. Bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran, mereka boleh membuat keputusan untuk mengambil jurusan atau bidang yang mendapat permintaan tinggi di pasaran buruh semasa dan melalui petunjuk unjuran perjawatan daripada majikan-majikan yang terlibat dalam program yang diikuti.

v) **Kerjasama pelbagai agensi kerajaan Konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**

Selain daripada Jabatan Tenaga Kerja Sabah yang mengadakan Program Karnival Pekerjaan, terdapat juga berapa Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk Institusi

Pengajian Tinggi yang turut menganjurkan program kerjaya ini. Untuk itu, kerjasama di antara Jobsmalaysia dengan jabatan dan Agensi termasuk IPT ini akan memberi lebih lagi impak kepada peluang-peluang pekerjaan termasuk latihan kemahiran bagi pencari kerja yang ingin meningkatkan kemahiran dalam bidang yang menjadi tumpuan permintaan pasaran kerja yang tinggi pada masa ini. Sebanyak 200 sesi bimbingan kerjaya secara berkelompok dan individu telah dijalankan di seluruh Sabah pada tahun 2018 yang mensasarkan golongan pencari kerja dari pelbagai latarbelakang pendidikan termasuk yang tidak mempunyai pendidikan secara formal dari luar bandar. Hasil bimbingan kerjaya tersebut, ianya dapat membantu pencari kerja membuka minda serta merebut peluang-peluang pekerjaan yang terbuka luas supaya mengubah persepsi jangan memilih pekerjaan dan apa yang perlu ialah mendapatkan pengalaman pekerjaan terlebih dahulu dan bermula dari bawah sebagai persediaan memasuki ke alam pekerjaan yang semakin mencabar.

vi) **Temuduga Terbuka di Pusat Jobsmalaysia dan Pejabat Tenaga Kerja Daerah**

Jabatan Tenaga Kerja Sabah turut menjalankan aktiviti temuduga terbuka di 15 Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sabah termasuk di Pusat Jobsmalaysia di UTC Kota Kinabalu. Pada tahun 2018, sebanyak 800 majikan telah menggunakan kemudahan di UTC ini dengan menjalankan temuduga terbuka

dan telah berjaya menempatkan 1039 pencari kerja di seluruh Pejabat Tenaga Kerja Sabah.

vii) Peranan JMC UTC Kota Kinabalu menyediakan perkhidmatan penempatan pekerjaan

Peranan JMC UTC Kota Kinabalu menyediakan perkhidmatan penempatan pekerjaan. Masa beroperasi 7 hari seminggu dari jam 8:00 pagi hingga 9:00 malam kecuali cuti umum. Peluang temuduga terbuka dengan kerjasama majikan swasta seluruh Malaysia membuka peluang pekerjaan dan memudahkan pencari kerja untuk hadir. Program *Jobfair* juga diadakan serentak di seluruh negara setiap tahun membawa lebih 50 majikan dengan lebih 1,500 pekerjaan untuk diisi pada tahun 2017. Pada tahun 2018, 1 program *Jobfair 4.0* telah berjaya diadakan dan seramai 419 telah mendapat pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]

TARIKH : 4 APRIL 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Penjelasan lebih terperinci status halal mengenai hibah yang diterima pendeposit Tabung Haji (**TH**); dan
- (b) Apakah langkah pengurusan yang betul telah dilaksanakan dalam memastikan pemberian hibah mengikut syarak Islam.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung status pembayaran hibah bermula tahun 2014 yang didapati bertentangan dengan Seksyen 22(3)(a) Akta Tabung Haji 1995, Jawatankuasa Penasihat Syariah Tabung Haji (**TH**) telah memutuskan seperti berikut:

*“ Hibah adalah pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang tanpa sebarang balasan (secara unilateral) dan merupakan satu amal kebajikan. Dalam konteks deposit **TH** yang didasari konsep Syariah Wadi’ah Yad Dhamanah, hibah diberikan atas budi bicara **TH** sebagai tanda penghargaan atas keyakinan pendeposit terhadap **TH**. Pelanggaran Seksyen 22(3)(a) Akta Tabung Haji 1995 berhubung pembayaran hibah tidak memberi kesan kepada statusnya dari sudut Syarak. Oleh yang demikian, status hibah yang diberikan oleh **TH** adalah sah dan pendeposit tidak perlu memulangkan semula hibah tersebut kerana ia adalah satu pemberian daripada **TH**. Urusan-urusan muamalah lain yang terkait dengan wang hibah tersebut juga tidak terjejas.”*

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan hospital Petra Jaya Sarawak dan juga KK Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat dalam proses tender terbuka. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap menampung peningkatan pesakit di SGH disebabkan kelewatan Hospital Petra Jaya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Projek Hospital Petrajaya (300 katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2011. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor sebelum ini, Zecon Berhad telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2018. Anggaran terkini kos projek adalah RM610,649,217.87. Projek ini (Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai) dilaksanakan secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan) oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKRM). Proses perolehan projek ini sedang dilaksanakan di mana Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah berlangsung pada 12 Februari 2019. Tarikh jangka Surat Setuju Terima (SST) projek ini adalah pada September 2019 dan dijangka mengambil masa 30 bulan untuk dibina.

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 2) Tabuan Jaya, Kuching telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-11) tahun 2016 dengan Anggaran Kos Projek adalah RM40 juta. Projek ini dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS). Proses perolehan projek ini sedang dilaksanakan di mana Tarikh Tutup Tender adalah pada 25 Februari 2019. Tarikh jangka Surat Setuju Terima (SST) projek ini adalah pada Jun 2019 dan dijangka mengambil masa 30 bulan untuk dibina. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 36

Y.B. DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam menyalurkan bantuan dan dana peruntukan kepada agensi swasta, khususnya yang tidak dinyatakan dalam Belanjawan 2019, seperti kes Kolej Universiti New Era yang terima peruntukan daripada Kementerian Kewangan baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Peruntukan khas yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada Kolej Universiti New Era sebanyak RM 2 juta memenuhi kriteria selaku institusi pendidikan yang bukan bermotifkan keuntungan. Sebelum ini, institusi pendidikan tinggi swasta yang bukan bermotifkan keuntungan yang menerima peruntukan adalah Universiti Islam Malaysia (UIM) berjumlah RM15 juta.
2. Bagi tujuan pemantauan, pihak penerima peruntukan perlu mengemukakan laporan pelaksanaan program/ projek berdasarkan kelulusan bantuan kewangan yang diberikan

EMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi dan Kewangan).

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pembaharuan Perkhidmatan Awam sedang dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas semua 239 skim Perkhidmatan. Kajian ini adalah inisiatif jangka masa panjang dalam kajian *Public Service Reform* yang bermula dari Januari 2019 sehingga Disember 2021 yang turut mengambil kira penambahbaikan bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

Sebarang penambahbaikan terhadap skim perkhidmatan ini hanya akan dimaklumkan, selepas selesainya kajian pembaharuan perkhidmatan awam yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. JEFFREY GAPARI**
KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH : **4 APRIL 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 38

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan baru-baru ini Kerajaan Pusat telah bersetuju mengembalikan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah yang akan mengambil masa 2 tahun. Apakah rasionalnya dan adakah kerana SESB bermasalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju secara dasarnya dengan cadangan pemulangan kuasa pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah. Proses ini dijangka akan mengambil masa yang agak panjang kerana terdapat pelbagai perkara yang perlu diperhalusi dan diselesaikan terlebih dahulu memandangkan ia melibatkan implikasi perundangan, teknikal, kewangan dan kawal selia. Ini adalah bagi memastikan pemulangan kuasa tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar.
2. Sebagai langkah interim, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju secara prinsip untuk menyerahkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah. Kementerian difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah perlu melaksanakan kajian terlebih dahulu terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia khususnya di luar bandar bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api ataupun komuter berbanding menggunakan kenderaan sendiri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif terbaru dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 1 April 2019. Ini adalah untuk memastikan faedah dan kemudahan yang sama turut diperolehi oleh warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan KTMB (komuter di sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan).
2. Kos pengangkutan merupakan faktor ketiga tertinggi yang menyumbang kepada kos sara hidup. Pelaksanaan diskaun tambang ini akan membolehkan pengguna terutamanya golongan B40 mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan untuk tambang pengangkutan awam dan lebih wang yang berupaya dijimatkan boleh digunakan untuk menampung kos sara hidup yang lain.
3. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun cashless dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
4. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.
5. Kementerian juga sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan landasan keretapi di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat. Sementara itu, projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Baharu pula dijangka siap pada Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan dan peranan penubuhan “*Special Purpose Vehicle (SPV)*” yang ditubuhkan untuk menguruskan aset Tabung Haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Objektif penubuhan SPV yang dimiliki penuh Kerajaan, dikenali sebagai Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), adalah untuk membantu mengambil alih aset-aset Lembaga Tabung Haji yang mengalami kejatuhan nilai bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji. Ini perlu dicapai bagi membolehkan Lembaga Tabung Haji membuat agihan hibah yang selaras dengan Akta Tabung Haji 1995.

Tujuan dan peranan UJSB adalah seperti berikut:

- 1) menjalankan proses rehabilitasi aset-aset melalui strategi pengudangan (warehousing strategy) dan penstrukturan semula;
- 2) meneruskan kelangsungan operasi aset-aset yang diambilalih;
- 3) memaksimumkan nilai ambil pulih (asset recovery value); dan
- 4) menebus kesemua intrumen kewangan yang telah diterbitkan oleh UJSB dan dilanggan oleh Lembaga Tabung Haji.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN : 42

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan status terkini hasil Suruhanjaya
Siasatan DiRaja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di negeri Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua (2) tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun. Antara tindakan yang telah dilaksanakan Kerajaan melalui JKPWAS adalah seperti berikut :

1. Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di negeri Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 27 Februari 2019 yang berjumlah seramai 580,141 orang;

2. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif dan dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu berbanding tempoh dua (2) hingga tiga (3) bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;
3. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lain adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negeri Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
4. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran individu bertaraf bukan warganegara di negeri Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi individu bertaraf warganegara dan bukan warganegara. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada individu bertaraf warganegara sahaja.

Platform JKPWAS ini akan diteruskan dan diperkukuhkan untuk meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap usaha proaktif Kerajaan dalam menguruskan isu-isu warga asing dan keselamatan negeri Sabah secara keseluruhannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : Tuan Hassan bin Abdul Karim
[Pasir Gudang]**

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan proses peralihan kuasa Perdana Menteri Ketujuh sekarang kepada Perdana Menteri Kelapan seperti dalam Perjanjian Manifesto Pilihan Raya PRU-14 Pakatan Harapan dapat berjalan segera dengan lancar dan tertib.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Perdana Menteri dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Baginda memilih seorang Ahli Dewan Rakyat, yang mana pada hemat Baginda mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.
2. Manifesto Pakatan Harapan tidak menyatakan peralihan kuasa Perdana Menteri ketujuh sekarang kepada Perdana Menteri kelapan sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya, Buku Harapan hanya menyentuh tentang komitmen Pakatan Harapan untuk menghadkan tempoh Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja.
3. Peralihan kuasa kepada Perdana Menteri kelapan adalah persefahaman yang telah dicapai semasa penubuhan Pakatan Harapan tanpa menetapkan secara jelas tempoh pelaksanaannya. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, peralihan kuasa ini akan dilaksanakan. Namun begitu, ia mestilah dilaksanakan secara teratur oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mengikut peraturan yang ditetapkan yang mana Perdana Menteri tersebut mestilah mendapat kepercayaan majoriti Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 43

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menyediakan pusat asuhan kanak-kanak berdaftar / lesen terutama penyediaan pengasuh yang berkelulusan serta terlatih kepada kanak-kanak keperluan khas (OKU) dan adakah kerangka laluan latihan/pendidikan kanak-kanak keperluan khas ini akan diberikan perhatian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui agensi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan dalam memastikan pusat asuhan kanak-kanak (TASKA) adalah berdaftar sebagaimana peruntukan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 yang mana syarat untuk menjadi pengasuh kanak-kanak hendaklah telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP).

Sejak tahun 2013 sebanyak **45** buah agensi telah diiktiraf sebagai agensi pelaksana Kursus Asuhan PERMATA (KAP) di seluruh Malaysia. Seramai **256** orang jurulatih KAP di seluruh negara juga telah diiktiraf oleh JKJ. Pengiktirafan agensi dan jurulatih KAP ini adalah bertujuan untuk memastikan latihan kepada bakal pengasuh adalah memenuhi keperluan perkembangan menyeluruh, keselamatan dan kesejahteraan dan didikan awal kanak-kanak yang pada akhirnya dapat menjamin kualiti pengasuhan kanak-kanak di TASKA.

Melalui KAP ini, pengasuh diajar secara khusus tentang bagaimana pengesanan awal kanak-kanak berkeperluan khas dilaksanakan. Antaranya mengenal pasti keperluan khas dan tanda-tanda awal kanak-kanak berkeperluan khas, mengetahui peranan pakar rujuk, merancang intervensi awal kanak-kanak dan memahami tanggungjawab pendidik / pengasuh terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Sejak tahun 2013 sehingga hari ini, bilangan pengasuh yang telah lulus Kursus Asuhan PERMATA (KAP) adalah seramai **15,403** orang.

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap keperluan kanak-kanak OKU. Pada tahun 2013 kerajaan melaksanakan projek rintis TASKA OKU bagi enam (6) kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome*, autisme, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan OKU pembelajaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedia untuk memberi komitmen kewangan kepada sektor pertahanan dan keselamatan dengan menetapkan nisbah perbelanjaan pertahanan kepada KDNK, supaya perancangan pertahanan negara dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berpandangan jauh, memandangkan perbelanjaan dalam sektor ini amat sedikit kalau dibandingkan dengan negara jiran kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kerajaan memperuntukkan secara purata 1.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk kegunaan perbelanjaan sektor pertahanan negara sejak tahun 2015 sehingga tahun 2018. Negara-negara jiran seperti Thailand dan Filipina memperuntukkan secara purata 1.4 peratus daripada KDNK manakala Vietnam, Singapura dan Brunei pula memperuntukkan lebih dari 2.5 peratus KDNK. Hanya Indonesia sahaja yang memperuntukkan kurang daripada satu (1) peratus KDNK untuk perbelanjaan pertahanan.

Penetapan nisbah perbelanjaan pertahanan kepada KDNK sememangnya akan dapat membantu Kementerian Pertahanan merancang pertahanan negara dengan lebih teratur dan sempurna. Namun demikian, ianya bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Penetapan nisbah perbelanjaan pertahanan kepada KDNK akan turut diperhalusi melalui Kertas Putih Pertahanan yang sedang dalam proses penyediaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUKY BIN SHAARY
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha berkesan membantu 7,805 Ketua Isi Rumah miskin tegar di Kelantan yang masih berpendapatan perkapita RM140 ke bawah. Apakah petunjuk jumlah miskin tegar di Kelantan berjaya dikurangkan dengan drastik.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey* 2016. Sebagai contoh, jika pendapatan bulanan per kapita Ketua Isi Rumah (KIR) berada di bawah RM153, KIR tersebut dikategorikan sebagai Miskin Tegar.

Statistik kemiskinan bagi negeri Kelantan sehingga 15 Mac 2019, merekodkan seramai 98,383 Ketua Isi Rumah (KIR) telah berdaftar dengan eKasih di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 7,730 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 30,657 KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 59,996 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar. Data dalam Sistem eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Sistem eKasih juga bertujuan merekod maklumat bantuan bagi mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/program kepada golongan miskin. Sistem eKasih memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri mengakses data/maklumat kemiskinan yang sama.

Berdasarkan rekod eKasih sehingga 15 Mac 2019, sebanyak 937,958 bilangan bantuan dengan jumlah sebanyak RM1.17 bilion telah disalurkan kepada isi rumah eKasih di negeri Kelantan untuk program/bantuan kesejahteraan rakyat.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan serta bantuan oleh kerajaan, statistik kemiskinan di negeri Kelantan khususnya bagi KIR berstatus Miskin Tegar telah berjaya dikurangkan daripada 10,078 KIR pada 2016 kepada 8,297 KIR bagi tahun 2017 dan 6,578 KIR pada tahun 2018 (berdasarkan PGK 2014).

Bagi memastikan usaha membantu Miskin Tegar di Kelantan, pemantauan melalui kaedah *lock-figure* akan dilakukan dimana melalui kaedah ini statistik Miskin Tegar bertarikh sehingga 1 Mac 2019 yang berjumlah 8,193 KIR telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Majlis Tindakan Negeri Kelantan (MTNg) pada 7 Mac 2019. Jumlah ini akan dipantau secara berterusan dan agensi-agensi pemberi bantuan akan terus dilibatkan dalam melaksanakan program/bantuan pembasmian kemiskinan kepada golongan sasaran ini bagi memastikan jumlah Miskin Tegar ini berjaya dikurangkan.

SOALAN NO : 46

Pecahan statistik eKasih bagi Negeri Kelantan adalah seperti berikut :

Tahun	Miskin Tegar	Miskin	Jumlah
2013	4,723	29,377	34,100
2014	4,794	32,975	37,769
2015	12,047	35,489	47,536
2016	10,078	39,728	49,806
2017	8,297	42,864	51,161
2018	6,578	40,854	47,432

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada sebuah Pusat Penyelidikan dan Latihan Pertanian boleh ditubuhkan di Bentong untuk meningkatkan penglibatan serta kemahiran anak-anak muda terutamanya dari daerah ini memandangkan Bentong merupakan sebuah daerah yang giat dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) telah ditubuhkan pada tahun 1969 sebagai sebuah organisasi pusat yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan pertanian dengan objektif utama untuk menjana dan memindahkan teknologi – teknologi baharu untuk memajukan industri makanan, pertanian dan asas tani negara. Kini MARDI mempunyai 36 buah stesen dan pejabat dipelbagai lokasi di seluruh negara.

Stesen dan pejabat MARDI ini dibangunkan dengan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan berdasarkan kepada bidang atau komoditi yang tertentu. Semua stesen dan pejabat MARDI turut berfungsi sebagai pusat untuk masyarakat umum mendapatkan maklumat mengenai aktiviti MARDI termasuklah untuk mendapatkan maklumat hasil penyelidikan dan juga latihan yang ditawarkan oleh MARDI.

SOALAN NO : 47

Pada ketika ini MARDI belum mempunyai perancangan untuk membangunkan Stesen Penyelidikan di Daerah Bentong memandangkan pada ketika MARDI telah mempunyai 3 buah stesen penyelidikan MARDI di negeri Pahang iaitu MARDI Cherating, MARDI Muadzam Shah dan MARDI Cameron Highland dengan fungsi-fungsi seperti berikut:

a) **MARDI Muadzam Shah** merupakan:

- Stesen sokongan penyelidikan dan inovasi teknologi ternakan seperti ayam kampung, lembu tenusu dan lembu pedaging.
- Stesen sokongan pusat penyelidikan dan inovasi teknologi pengeluaran makanan ternakan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

- Penyelidikan pengeluaran foraj, hay dan silaj.
- Penyelidikan peningkatan baka ternakan.
- Penyelidikan sistem pengeluaran ternakan.
- Pemindahan dan pengkomersilan teknologi ternakan ayam kampung.
- Latihan teknikal teknologi ternakan.

b) **MARDI Cherating** berfungsi sebagai:

- Stesen sokongan pusat kecemerlangan pemindahan dan pengkomersialan teknologi.
- Taman Agroteknologi Pelancongan penternakan integrasi antara tanaman kelapa dengan ternakan kambing 'Droper'.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

- Pembangunan usahawan.
- Perhubungan industri.
- Pembangunan dan pemindahan teknologi.
- Ladang contoh ternakan biri-biri '*Droper*'.

c) MARDI Cameron Highland berperanan sebagai:

- Stesen utama pusat kecemerlangan penyelidikan dan inovasi teknologi penyelidikan pertanian tanah tinggi.
- Stesen sokongan pusat kecemerlangan pemindahan dan pengkormersialan teknologi.
- Bimbingan usahawan dalam teknologi pemprosesan minuman berasaskan buah-buahan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

- Penyelidikan agronomi dan sistem pengeluaran, pengawalan penyakit dan perosak, dan pengendalian lepastuai ke atas tanaman sayur-sayuran, bunga-bunga dan buah-buahan.
- Penyelidikan bidang pengurusan air dan tanah di dataran tanah tinggi.
- Mengumpul, memulihara dan penggunaan sumber genetik tanaman tanah tinggi.
- Penyelidikan automasi dan kawalan persekitaran dalam rumah tanaman.
- Latihan teknikal teknologi tanaman sayur-sayuran dan bunga-bunga.
- Test-bed teknologi.
- Peningkatan skala.
- Taman agro-pelancongan.

MARDI mendapati ketiga-tiga Stesen yang wujud mampu memberikan khidmat sokongan penyelidikan dan latihan kepada kawasan Bentong selain khidmat yang boleh diperoleh langsung daripada Stesen Ibupejabat MARDI di Serdang yang mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam semua aspek yang diperlukan oleh disamping pegawai penyelidik Institut juga bersedia membantu sekiranya ada keperluan di Daerah Bentong melalui outreach program yang sering di laksanakan oleh Pejabat MARDI Negeri Pahang di Stesen MARDI Cherating.

Selain daripada itu untuk membangunkan usahawan-usahawan muda di dalam bidang pertanian, MARDI juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah program yang dipanggil Program Agropreneur Muda di bawah Pusat Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Usahawan. Di bawah program ini, anak-anak muda yang baru menceburi bidang keusahawan pertanian, dibimbing dalam pelbagai aspek untuk menjadikan mereka usahawan yang berjaya. Mereka ini diberikan latihan melalui bengkel yang diadakan secara berpusat mengikut zon. Sehingga kini lebih daripada 600 orang agropreneur muda telah mendapat manfaat dari program ini.

Program AGORA adalah merupakan program latihan Flagship Program Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di enam buah zon seluruh negara bermula pada tahun 2016. Ia memberikan latihan asas kepada usahawan belia dalam aspek teknikal di dalam ketiga-tiga klaster utama iaitu produk makanan dan kesihatan berasaskan pertanian (IAT), tanaman dan ternakan. Ini adalah berpandukan hasil penyelidikan dan pengetahuan teknikal para penyelidik MARDI. Namun, bermula tahun 2019 aspek teknikal di dalam Program AGORA akan ditumpukan kepada klaster tanaman dan pemprosesan makanan (IAT). AGORA juga memberikan pendedahan dan latihan dalam konsep asas perniagaan dan keusahawanan. Ia termasuk melatih usahawan untuk menggunakan teknik Design Thinking, Business Model Canvas, pengurusan kewangan, pemasaran online dan digital serta menyediakan peluang membina jaringan pemasaran antara usahawan baru dan lama. Sehingga tahun 2018, sebanyak 15 siri AGORA telah berjaya

SOALAN NO : 47

dilaksanakan dengan penyertaan seramai 603 orang peserta (sasaran 50 peserta pada setiap sesi AGORA).

Bagi negeri Pahang sahaja, seramai 177 orang peserta yang telah berdaftar di bawah Program Agropreneur Muda MARDI dari tahun 2014 hingga 2018. Dari jumlah tersebut, seramai 38 orang telah menghadiri program AGORA Agropreneur Muda MARDI, 64 orang telah menyertai latihan dan kursus teknikal anjuran MARDI dan 27 orang Agropreneur Muda telah menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai RM450,000.00.

Di Bentong, terdapat beberapa buah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang mempunyai pejabat masing-masing di sana. Antaranya Pejabat Pertanian Daerah Bentong (DOA), Pejabat FAMA Daerah Bentong dan Pusat Operasi FAMA Simpang Pelangai (FAMA) dan Pejabat Perikanan Daerah Bentong (DOF). Kehadiran pejabat-pejabat peringkat daerah pelbagai agensi ini bertujuan untuk membantu penyebaran maklumat termasuk latihan kepada semua petani termasuk anak-anak muda di Daerah Bentong. Walaupun MARDI tidak mempunyai pejabat khusus di daerah ini, semua aktiviti pemindahan teknologi dan pembangunan usahawan boleh menggunakan infrastruktur dan kemudahan yang sedia ujud di sana.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN
TUN HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 | KHAMIS

SOALAN

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussien [Sembrong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan penambahan kuota haji kepada anggota dan veteran ATM serta kepada warga awam MinDef daripada 100 kepada 200 jemaah melalui kuota khas ibadah haji sebagaimana yang telah dirancang di bawah IKRAR Kementerian Pertahanan sebelum ini.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Difahamkan bahawa kuota haji kepada anggota dan veteran ATM serta warga awam MinDef merupakan ihsan daripada Kementerian Pertahanan Arab Saudi menerusi visa haji Furada. Ini bermakna bilangan kuota khas untuk MinDef tahun ini (jika ada) adalah bergantung kepada keputusan Kementerian Pertahanan Arab Saudi.

Untuk makluman, mulai tahun 2018/1439H, Kerajaan Arab Saudi tidak lagi membenarkan Lembaga Tabung Haji menguruskan pemergian pemegang visa haji Furada, sebaliknya mereka perlu mengikuti pakej yang dikendalikan oleh syarikat swasta.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 4 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bertanggungjawab akan meneruskan projek membina 1480 unit PPR di Kg. Gusi, Kinarut demi untuk memudahkan rakyat memiliki rumah mampu milik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Kg. Gusi, Kinarut. KPKT mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri Sabah bagi pembangunan PPR di kawasan berkenaan dengan menyediakan tapak yang bersesuaian. Cadangan tapak tersebut akan dipertimbangkan oleh KPKT dan kelulusan bagi pembangunan PPR tersebut adalah tertakluk pada keperluan dan permohonan perumahan di kawasan berkenaan serta peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada KPKT.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT telah menyiapkan sebanyak 2 projek (1,225 unit) PPR di Kawasan Kinarut iaitu PPR Jalan Sagindai (500 unit) yang siap pada 31 Disember 2008 dan PPR Pekan Kinarut (725 unit) yang siap pada 16 Mac 2012.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 49

PR-1421-L03728

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal penyebaran berita tidak benar serta apakah rasional menggubal satu undang-undang baharu bagi menangani penyalahgunaan media sosial seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia setelah Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

INPUT JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Gejala penularan berita palsu dewasa ini merupakan isu sejagat yang dihadapi oleh pelbagai negara termasuk Malaysia. Gejala penularan berita palsu ini dilihat bukan sahaja boleh memberi kesan kepada keharmonian hidup masyarakat, malah boleh memberi kesan kepada keselamatan dan kestabilan sesuatu negara. Masalah ini juga semakin meruncing pada ketika ini dengan peningkatan jumlah pengguna Internet, terutamanya media sosial Malaysia.

2. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM. Kerjasama ini meliputi

aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital.

3. Pihak Kementerian melalui SKMM juga telah mewujudkan portal Sebenarnya.my pada Mac 2017 yang kini menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Portal tersebut secara purata menerima sekitar 2.4 juta *hits* setiap bulan. Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran turut dijalankan di media dan di lapangan bagi memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu, serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.

Tuan Yang Dipertua,

4. Pihak Kementerian telah menerima banyak aduan penyalahgunaan media sosial serta pandangan/ cadangan untuk mengatasi masalah ini. Kementerian berpandangan bahawa, kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dihormati dan dibuat dengan cara yang berhemah agar tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjejaskan keselamatan negara. Usaha ini bukan untuk menyekat kebebasan bersuara, tetapi sebaliknya untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan pandangan berbaur hasutan serta sensitif yang boleh memberi kesan terhadap keselamatan negara.

5. Sehubungan itu, Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan termasuk pihak media dalam mencari jalan dan membangunkan rangka yang sesuai berhubung mekanisme terbaik untuk menangani masalah-masalah yang berbangkit dengan penggunaan media sosial dan berita berunsurkan fitnah atau negatif di internet.

6. Sekiranya terdapat keperluan untuk meminda atau menggubal undang-undang sedia ada, Kerajaan akan melakukannya setelah mengambil kira kepentingan semua yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING - BERSATU]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menjelaskan secara terperinci hala tuju dan dasar sukan berprestasi tinggi untuk negara mencapai pingat emas pertama Olimpik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) telah melaksanakan program pembangunan dan senior bagi memastikan kesinambungan prestasi atlet dapat diteruskan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
2. Kementerian melalui MSN dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melakukan penstrukturan semula program latihan Podium dan Kita Juara pada bulan November 2018. Program latihan ini memberi penekanan kepada prestasi atlet (*performance based*) berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Prestasi atlet akan dijadikan penentu kepada imbuhan latihan atlet. Manakala, bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, pihak Kementerian akan memberi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat dunia yang akan menjadi indikator kepada prestasi atlet.

3. Program persiapan atlet ke temasya Sukan SEA 2019 serta kelayakan ke Olimpik 2020 telah bermula pada Januari 2018. Bagi persiapan ke arah temasya Sukan Olimpik 2020 pula, perancangan khusus yang telah dibuat oleh program Podium sebelum ini akan diteruskan dengan beberapa penambakan bagi memastikan kelangsungan prestasi atlet yang disasarkan untuk memungut pingat tidak terjejas.

4. MSN telah bekerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) untuk menganjurkan bengkel “*Performance Plan*” pada 12 hingga 14 Februari 2019 bagi merangka pelan sokongan sains dan perubatan sukan bagi atlet dibawah program MSN. Atlet akan menerima perkhidmatan sains dan perubatan sukan berdasarkan “performance based”. Pendekatan aspek sains sukan secara sistematik dengan mengenal pasti keperluan spesifik atlet tersebut dilakukan berdasarkan analisis keperluan (*Need Analysis*) dan analisis gap (*Gap Analysis*) semasa sesi latihan dan kejohanan di dalam serta di luar negara.

5. Dengan perancangan yang telah dirangka, diharapkan kecemerlangan atlet negara akan dapat diteruskan di temasya Sukan SEA 2019, Sukan Olimpik Tokyo 2020 serta kejohanan – kejohanan antarabangsa yang berprestij.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

(a) apakah pelan peraksanaan Kementerian dalam mengenal pasti lokasi penambahan kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES); dan

(b) berapakah jumlah kos penambahan kamera AES yang sebenar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas. Kerajaan akan melihat keperluan menambah jumlah AES berdasarkan analisis terperinci kawasan kerap kemalangan atau blackspot. Selain itu, Kerajaan telah menetapkan kriteria dalam mengenal pasti lokasi penambahan kamera AwAS yang baharu iaitu melibatkan kawasan yang had laju 110km/j di lebuhraya dan 90km/j di jalan persekutuan selain di lokasi persimpangan lampu isyarat.
2. Dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan juga mengurangkan kadar kemalangan, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah lokasi kamera AwAS di lokasi-lokasi kawasan kerap kemalangan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahbaikan dengan mengemas kini kawasan kerap kemalangan berasaskan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan dan kos pemasangan dan operasi kamera akan ditentukan semasa pemasangan kamera tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang harus dipatuhi oleh rakyat yang mahu mencari pekerjaan di luar negara, untuk mengelak berulang kes 47 warga Malaysia ditahan di Penjara Provinsi Banteay Meanchey Kemboja, akibat ditipu sindiket pekerjaan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh telah mengambil pendekatan pro-aktif dalam usaha membebaskan 47 orang warganegara Malaysia yang ditahan di Kemboja akibat ditipu oleh sindiket mencari pekerjaan di sana. Pihak Kedutaan telah terbabit dalam siri-siri lawatan konsular, perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi tujuan tersebut. Pada masa yang sama, pihak Kedutaan berusaha memastikan kebajikan para tahanan sentiasa terpelihara.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, YB Menteri Luar Negeri sendiri telah menghubungi Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja untuk meminta bantuan dan kerjasama beliau dalam menyelesaikan kes ini dengan segera. Ini membuktikan bahawa hubungan dua hala yang erat di antara kedua-dua buah negara telah membuahkan hasil yang amat positif.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian memandang serius isu penipuan pekerjaan dengan tawaran gaji lumayan di luar negara. Dalam hal ini, orang ramai sentiasa dinasihatkan untuk mendapatkan pengesahan terlebih dahulu tentang tawaran pekerjaan seumpama ini. Penggunaan visa ke luar negara juga perlulah bersesuaian dengan tujuan perjalanan iaitu samada untuk melancong atau bekerja. Di samping itu, kontrak pekerjaan yang ditawarkan perlu diteliti sewajarnya untuk mengelakkan diri daripada menghadapi sebarang masalah kelak.

5. Warganegara Malaysia yang ragu-ragu dengan tawaran pekerjaan di luar negara boleh menghubungi Kementerian dan Perwakilan Malaysia yang berkenaan bagi mendapatkan khidmat nasihat sewajarnya. Pihak Kementerian dan Perwakilan sentiasa bersedia untuk membantu dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah hutang terkini peneroka kepada FELDA, dan setakat ini berapakah jumlah hutang yang telah dibantu oleh Kerajaan untuk diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila kebun tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.
3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi kebun dan pembiayaan peneroka. Kos operasi kebun adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai

titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.

4. Sehingga Disember 2018, baki hutang Pembangunan Kebun adalah sebanyak RM4,394.34 juta melibatkan 75,225 orang peneroka. Baki hutang Sosio Ekonomi pula adalah sebanyak RM1,049.72 juta melibatkan 79,966 orang peneroka. Manakala baki hutang Baja adalah sebanyak RM131.10 juta melibatkan 42,603 orang peneroka. Jumlah keseluruhan baki hutang bagi ketiga-tiga kategori tersebut adalah RM5,575.16 juta.
5. FELDA akan meneruskan pelarasan bagi penghapusan hutang-hutang seperti di atas bagi memastikan peneroka tidak dibebankan dengan masalah kewangan yang berterusan. Kerajaan meneliti secara menyeluruh isu hutang peneroka untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Perkara ini menjadi sebahagian daripada hala tuju dalam menangani isu-isu yang dibebankan kepada peneroka FELDA. Perincian isu dan langkah penyelesaian akan dicerakinkan dalam pembentangan Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” pada minggu terakhir sidang Dewan Rakyat kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

4 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN : 55

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan akan menunaikan janji pilihan raya untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 yang zalim dan menghentikan segala penyiasatan jenayah di bawah Akta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Hasutan 1948 adalah Akta yang digubal oleh pihak British di Tanah Melayu yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan berkaitan dengan hasutan. Akta ini memperuntukkan larangan bagi sebarang bentuk perbuatan, ucapan dan penulisan yang mempunyai kecenderungan menghasut.

Selaras dengan janji Manifesto, Kementerian telah melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk menilai dan memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci terutama yang tidak selari dengan piawaian hak asasi manusia selain mengenalpasti implikasi-implikasi keselamatan yang akan timbul jika dimansuhkan.

Kerajaan memberi jaminan bahawa sebarang pindaan atau pemansuhan terhadap Akta Hasutan berkenaan akan mengambil kira keperluan dalam memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kementerian berpandangan bahawa pemansuhan Akta Hasutan 1948 hanya boleh dipertimbangkan setelah seksyen- seksyen khusus mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi Diraja, kaum dan agama tersebut dipindahkan dan dimasukkan ke dalam undang-undang lain sedia ada seperti Kanun Keseksaan atau pun diwujudkan undang-undang baru.

Pada masa ini, Akta Hasutan 1948 hanya akan digunakan bagi kesalahan-kesalahan yang menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian kaum. Ini perlu bagi pihak polis menyiasat kes-kes tersebut dimana penggunaan akta tersebut dibuat secara berhemah dan hanya jika kes mempunyai bukti asas yang kukuh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN NO. 55

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dengan lengkap, tepat dan telus tentang kedudukan mengikut kaum (bilangan dan peratus) pada tahun 2009 dan 2018 mengenai pemilikan aset kewangan seperti saham, bon dan sukuk, pemilikan aset bukan kewangan seperti hotel, kilang, rumah kediaman, kompleks perniagaan dan tanah komersial, dan golongan profesional seperti akauntan, arkitek, doktor, jurutera dan peguam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) tidak mempunyai statistik berkenaan kedudukan mengikut kaum (bilangan dan peratus) pada tahun 2009 dan 2018 pemilikan aset kewangan seperti saham, bon dan sukuk, pemilikan aset bukan kewangan seperti hotel, kilang, rumah kediaman, kompleks perniagaan dan tanah komersial.
2. Walau bagaimanapun, DOSM mempunyai statistik berkaitan nilai harta tetap mengikut sektor bagi tahun 2010 dan mengikut sektor dan jenis harta bagi tahun 2015. Perangkaan utama perkhidmatan profesional mengikut aktiviti bagi tahun 2010 dan 2015 turut disediakan. Selain itu, DOSM juga mempunyai statistik penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan (Profesional) mengikut etnik bagi tahun 2009 dan 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada tahun 2010, jumlah nilai harta tetap direkodkan sebanyak RM907,110 juta manakala pada tahun 2015, jumlah nilai harta tetap telah direkodkan sebanyak RM1,598,571 juta. Daripada jumlah tersebut, RM1,351,662 juta adalah harta tetap dan RM246,909 juta adalah harta lain. Daripada jumlah harta tetap tersebut, bangunan dan binaan lain direkodkan sebanyak RM426,716 juta diikuti dengan jentera dan kelengkapan RM398,022 juta, tanah RM209,817 juta dan alatan pengangkutan RM132,247 juta.
4. Pada tahun 2010, sejumlah 28,367 pertubuhan perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan profesional telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, 9,152 pertubuhan adalah pertubuhan perkhidmatan kesihatan dan 19,215 adalah pertubuhan perkhidmatan profesional. Pertubuhan perkhidmatan guaman merekodkan jumlah paling tinggi iaitu 4,889 pertubuhan diikuti perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain 3,218 pertubuhan, perkhidmatan perakaunan 2,971 pertubuhan dan perkhidmatan kejuruteraan 2,719 pertubuhan. Manakala pada tahun 2015, sejumlah 48,975 pertubuhan perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan profesional telah direkodkan. Daripada jumlah

tersebut, 14,930 pertubuhan adalah pertubuhan perkhidmatan kesihatan dan 34,045 adalah pertubuhan perkhidmatan profesional. Pertubuhan perkhidmatan profesional pakar runding pengurusan dan penyelidikan pasaran merekodkan jumlah paling tinggi iaitu 6,154 pertubuhan diikuti perkhidmatan guaman 6,054 pertubuhan, perkhidmatan kejuruteraan 5,288 pertubuhan, perkhidmatan perakaunan 3,870 pertubuhan dan perkhidmatan arkitek 3,600 pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Statistik penduduk bekerja kategori profesional pada tahun 2009 adalah seramai 684.6 ribu orang yang mana Bumiputera merekodkan sebanyak 406.8 ribu orang, Cina 195.0 ribu orang dan India 61.2 ribu orang. Pada tahun 2017, terdapat 1.8 juta orang profesional yang mana 1.2 juta orang adalah Bumiputera, Cina 441.9 ribu orang dan India 123.4 ribu orang.
6. Maklumat terperinci mengenai nilai harta tetap mengikut sektor dan jenis harta serta perangkaan utama perkhidmatan kesihatan dan profesional mengikut aktiviti berdasarkan perbandingan tahun dan statistik penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan (profesional) mengikut etnik dalam bentuk jadual boleh didapati daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
4 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JONATHAN BIN YASIN
[RANAU]
TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Y.B. TUAN JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah bayaran 40% hasil yang diperoleh oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Sabah akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.
2. Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada wakil Persekutuan serta Sabah dan Sarawak, diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan serta dijadualkan melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini.
3. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapa ramai isi rumah yang telah menerima rebat elektrik RM40 dan berapakah yang layak tetapi belum menerima rebat tersebut. Apakah usaha pihak Kementerian bagi memastikan mereka yang layak dapat menerima rebat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 28 Februari 2019, seramai 213,965 orang Ketua Isi Rumah (KIR) layak mendapat rebat bil elektrik RM40. Sehingga 11 Mac 2019, daripada 213,965 KIR, seramai 75,618 atau 36.1% telah menikmati rebat RM40 di mana 66,288 mempunyai data sepadan dengan akaun utiliti dan bakinya iaitu 9,330 telah mengemas kini akaun bil elektrik dengan pihak utiliti.
2. Pada masa ini, Kementerian bersama-sama dengan pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri dan syarikat utiliti sedang mempergiatkan usaha melalui pelbagai platform seperti media sosial, sistem pesanan ringkas (SMS) melalui telefon bimbit dan edaran risalah untuk menyeru KIR yang layak mengemas kini

nombor akaun bil elektrik mereka supaya dapat menikmati rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan.

3. Sehubungan itu, MESTECC telah pun menghantar senarai nama penerima yang layak tetapi masih tidak mempunyai akaun TNB berdaftar kepada semua Ahli Parlimen agar kita boleh sama-sama melakukan semakan di kawasan masing-masing dan membantu penerima yang benar-benar layak untuk menerima manfaat rebat bil elektrik RM40 ini.
4. Untuk makluman, Program Rebat Bil Elektrik Sehingga RM40 ini merupakan penambahbaikan kepada Program Rebat RM20. Program pada kali ini dilaksanakan secara bersasar iaitu kepada pengguna miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan program eKasih di bawah seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).
5. Melalui pelaksanaan bersasar ini, hanya golongan miskin dan miskin tegar yang mendapat rebat ini. Dengan ini, dapat dielakkan situasi di mana pengagihan rebat turut memanfaatkan antara lain golongan berada yang memiliki kediaman mewah sebagai rumah kedua, ketiga dan seterusnya yang tidak didiami.
6. Selain daripada itu, subsidi RM20 ini hanya diberikan kepada bil di bawah RM20 dan sekiranya bil elektrik pengguna melebihi RM20, mereka perlu membayar sepenuhnya bil tersebut. Sebagai contoh, bil elektrik yang berjumlah RM21, secara automatik mereka tidak layak 2 menerima subsidi dan terpaksa membayar bil sepenuhnya pada jumlah RM21 dan bukannya RM1 iaitu perbezaan antara bil dan subsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang isu lemak trans. Apakah rancangan Kementerian untuk mengawal kesan buruk lemak trans ke atas kesihatan rakyat Malaysia

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengambilan asid lemak trans atau *trans fatty acid* (TFA) dapat meningkatkan risiko kejadian penyakit kardiovaskular. Walau bagaimanapun, ia turut dipengaruhi oleh pengambilan asid lemak tepu yang berlebihan dalam diet seharian. Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO (*World Health Organization*) dan *Food and Agriculture Organization of the United Nation* (FAO) telah menyarankan agar had pengambilan TFA adalah tidak melebihi satu peratus daripada jumlah pengambilan kalori harian dan ini selari dengan saranan Panduan Diet Malaysia (2010), Kementerian Kesihatan Malaysia . Antara saranan Panduan Diet Malaysia (2010) berkaitan TFA adalah menghadkan makanan yang mengandungi asid lemak trans yang terdapat dalam makanan terproses seperti kentang goreng, marjerin, produk bakeri dan konfeksi.

Yang di-Pertua,

Pelbagai aktiviti advokasi dan promosi pemakanan sihat yang merangkumi mesej-mesej dari Panduan Diet Malaysia termasuk kesan buruk pengambilan lemak telah dijalankan bagi memberi kesedaran kepada rakyat. Antara aktiviti yang sentiasa dijalankan adalah ceramah dan pameran pemakanan sihat yang diadakan di kalangan rakyat dewasa mahupun murid-murid sekolah. Usaha lain termasuklah memuat naik mesej berkaitan melalui media sosial dan media massa. Di samping itu, aktiviti pendidikan pemakanan turut dijalankan menggunakan *setting* sedia ada seperti Pusat Maklumat Pemakanan, Dapur Sihat Masyarakat dan pasar raya melalui aktiviti Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya.

Perkhidmatan runding cara pemakanan oleh Pegawai Sains Pemakanan dan aktiviti demonstrasi masakan juga turut dijalankan di klinik-klinik kesihatan bagi tujuan yang sama.

Yang di-Pertua,

Di bawah peruntukan 18B(5), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, pelabelan bagi asid trans lemak adalah tidak diwajibkan bagi produk makanan. Walau bagaimanapun, sekiranya suatu akuan dibuat tentang jumlah atau jenis asid lemak termasuk asid trans lemak, maka hendaklah diisytiharkan juga amaun asid lemak lain iaitu asid lemak tepu, monotidaktepu dan politidaktepu pada label produk makanan tersebut. Selain itu, di bawah Peruntukan Peraturan 18C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 membenarkan akuan kandungan nutrien 'rendah' atau 'bebas' asid trans lemak pada label produk makanan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Pelabelan 'rendah' atau 'bebas' asid trans lemak ini merupakan maklumat pemakanan mengenai paras kandungan asid trans lemak dalam sesuatu produk makanan.

Para pengguna dinasihatkan untuk membaca label pada maklumat pemakanan bagi mengetahui kandungan nutrien dalam sesuatu produk termasuk kandungan asid trans lemak. Ia sekaligus dapat membantu pengguna untuk membuat pilihan yang bijak semasa membeli barangan makanan serta merancang hidangan harian mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 4 APRIL (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah mengatasi salah faham negara-negara Eropah kepada tahap kemampanan (sustainable) industri sawit terhadap alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pada 13 Mac 2019, pihak Suruhanjaya Eropah telah pun menerima *Delegated Act* iaitu dokumen pelengkap kepada *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) yang menerangkan antara lain mengenai kriteria atau metodologi bagi menentukan sama ada sumber dalam pengeluaran biobahan api menyebabkan kadar *Indirect Land Use Change* (ILUC) yang tinggi atau rendah dan kesannya kepada pelepasan gas rumah hijau. Akta ini dilihat akan memberi impak yang negatif kepada industri sawit negara memandangkan minyak sawit telah diklasifikasikan sebagai mempunyai kadar risiko ILUC yang tinggi.

Susulan daripada itu, Kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengatasi ancaman negara-negara Kesatuan Eropah terhadap industri sawit negara. Antaranya, Kerajaan secara konsisten telah dan akan terus:

- i. mengkritik sekeras-kerasnya langkah yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah memandangkan ia dilihat sebagai langkah diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara;
- ii. memperjuangkan hak dengan menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi industri sawit negara di platform antarabangsa seperti *World Trade Organization* (WTO) melalui mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Kepada Perdagangan (*Technical Barriers to Trade*), Majlis bagi Perdagangan Barangan (*Council for Trade in Goods*) dan Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee*);
- iii. bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit; dan
- iv. bekerjasama negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau sepertimana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah

di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menangguhkan agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN-EU ke peringkat Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*) pada satu tarikh yang akan datang.

Selain itu, satu kerjasama erat telah ditubuhkan antara Menteri Luar Negeri, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara khususnya di negara Kesatuan Eropah. Mesyuarat *Palm Oil War Room* (POWR) di peringkat Menteri bagi kementerian yang berkaitan juga akan diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu dan langkah yang wajar diambil serta peruntukan yang diperlukan bagi membiayai program dan aktiviti menangani kempen anti minyak sawit. Buat masa ini, Mesyuarat POWR yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama aktif diadakan pada peringkat pegawai dengan Kementerian-kementerian seperti di atas.

Kementerian juga telah menyuarakan bantahan kepada negara anggota Kesatuan Eropah berhubung *Delegated Act* di bawah *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) tersebut yang dilihat akan mendiskriminasi industri sawit negara. Satu Lawatan Kerja Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha ke Belgium dan Belanda juga telah diadakan pada 5 hingga 13 Mac 2019 bertujuan untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai draf *delegated act* di bawah EU RED II bersama pihak Suruhanjaya Eropah.

Dalam lawatan kerja tersebut, delegasi Kementerian telah mengambil bahagian dalam *Stakeholder Meeting On High And Low Indirect Land Use Change (ILUC) Risk Biofuels Under The Recast Of The Renewable Energy Directive (EU RED II)* yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Eropah pada 5 Mac 2019. Antara perkara-perkara yang telah disampaikan dan dimakluman dalam sesi Konsultasi tersebut adalah:

- i. pendirian dan pandangan yang jelas dan tepat berdasarkan berdasarkan kepada polisi dan data teknikal serta saintifik berkenaan kriteria dan metodologi yang tidak berasas yang telah digariskan dalam draf *Delegated Regulation* tersebut serta isu-isu yang berkaitan penyahhutan dan kemampunan; dan
- ii. menggesa pihak Kesatuan Eropah untuk memberi perhatian kepada usaha berterusan Malaysia untuk menjadikan keseluruhan rantai bekalan minyak sawit adalah mampan menerusi skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan menjadi mandatori menjelang Januari 2020 dan memaklumkan inisiatif kemampunan industri sawit negara yang berasaskan *United Nations Sustainable Development Goal* 2030.

Semasa di Brussels juga, pertemuan dan perbincangan telah diadakan dan seterusnya menyerahkan secara rasmi mengenai pandangan dan maklum balas Malaysia terhadap draf *Delegated Regulation* dengan Ketua Pengarah, *Directorate General for Energy*, yang bertanggungjawab dalam menyediakan draf akta tersebut. Perbincangan mengenai isu-isu berkaitan perkembangan semasa industri sawit di Malaysia dan EU seperti isu penyahhutan serta cadangan tahap maksimum 3-MCPDE dalam minyak sayuran juga telah diadakan bersama-sama Pegawai Kanan daripada *European External Regulation Service; Directorate-General for Environment; Directorate-General for Trade; dan Directorate-General for Health and Food Safety*.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS
TARIKH : 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada JKR Manjung untuk tahun 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019. Kenapa JKR Manjung sentiasa menyatakan wang untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang asas pun tidak mencukupi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terkini jumlah panjang jalan Persekutuan bagi **negeri Perak** ialah **sepanjang 1,514km (tidak termasuk lebuh raya bertol)**. Daripada jumlah ini, panjang jalan yang terlibat dalam kawasan senggaraan di Daerah Manjung, Perak bagi tahun 2019 ialah sepanjang **143.484km**. Panjang jalan yang disenggara ini adalah tidak termasuk jalan Persekutuan yang terlibat dalam projek menaiktaraf.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk program penyelenggaraan jalan Persekutuan di Daerah Manjung, Perak bagi tahun **2015** sehingga **Februari 2019** ialah sebanyak **RM37.64 juta** iaitu perincian agihan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut :

- i) sebanyak **RM7.96 juta** bagi tahun 2015;
- ii) sebanyak **RM6.58 juta** bagi tahun 2016;
- iii) sebanyak **RM10.63 juta** bagi tahun 2017;
- iv) sebanyak **RM11.86 juta** bagi tahun 2018; dan
- v) sebanyak **RM0.61 juta** bagi tahun 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerja-kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan ini dipecahkan kepada tiga skop kerja, iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Untuk kerja-kerja **penyelenggaraan rutin atau asas** sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti penampalan lubang jalan ('potholes'), memotong rumput dan mencuci sistem saliran dan perparitan, ia

dilaksanakan oleh syarikat konsesi mengikut pusingan kerja yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini dibayar pada setiap bulan kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan setelah ia disahkan oleh JKR Daerah yang terlibat. **Peruntukan bagi kerja-kerja rutin ini sememangnya telah diambil kira dan diasingkan sebagai peruntukan mandatori dalam bajet peruntukan Kementerian setiap tahun.** Penyelenggaraan rutin akan dilaksanakan **mengikut pusingan** yang telah ditetapkan seperti dalam Perjanjian yang dimeterai.

Manakala bagi penyelenggaraan berkala pula, kerja tersebut dilaksanakan oleh syarikat konsesi berdasarkan **Arahan Kerja** yang ditentukan oleh Kementerian **mengikut keutamaan** dengan **mengambil kira faktor keperluan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.**

Sememangnya diakui peruntukan penyelenggaraan berkala yang diterima oleh Kementerian ini bagi setiap tahun adalah rendah berbanding keperluan sebenar. Ini kerana peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN : 62

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah laporan prestasi kewangan syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines Berhad (MAS) merangkumi laporan perincian jumlah hutang syarikat MAS kepada pihak Kerajaan dan butiran jumlah hutang syarikat yang lain kepada syarikat MAS.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyata kewangan Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) sememangnya mengandungi perincian berkenaan jumlah hutang syarikat serta jumlah hutang syarikat lain kepada MAGB. Setiap tahun, MAGB menyerahkan penyata kewangan yang telah diaudit kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Orang awam turut boleh mendapatkan penyata kewangan ini terus daripada SSM.

Pada 31 Disember 2017, MAGB, melalui anak syarikat milik penuhnya, MAB Pesawat Sdn Bhd berhutang kepada Kerajaan (menerusi anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, Turus Pesawat Sdn Bhd) sebanyak RM5.3 bilion ("Pinjaman TP"). Pinjaman TP ini adalah bagi pembelian 6 buah pesawat A380 dan 2 buah pesawat A330 pada tahun 2012.

SOALAN NO : 62

Walau bagaimanapun, Malaysia Airlines Berhad (MAB) sendiri tidak mempunyai sebarang hutang langsung kepada Kerajaan.

Penyata kewangan MAGB juga turut mengandungi maklumat mengenai penghutang yang berhutang dengan MAGB, yang kebanyakannya terdiri daripada hutang perdagangan (trade receivables) dan hutang bukan perdagangan (non-trade receivables).

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, hutang perdagangan MAGB adalah sebanyak RM497,981,000 manakala hutang bukan perdagangan pula adalah sebanyak RM512,625,000.

Untuk makluman, penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2018 sedang dimuktamadkan dan seterusnya akan diserahkan kepada SSM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 4 APRIL 2019

SOALAN : 63

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah judi atas talian yang begitu meluas pada hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan

tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Antara langkah lain yang diambil untuk membendung aktiviti perjudian atas talian seperti berikut:-

- i) Mengambil tindakan alternatif terhadap penganjur kegiatan perjudian haram di bawah dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk didakwa di mahkamah;
- ii) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menutup atau menyekat semua laman sesawang yang berunsurkan perjudian dari luar negara;
- iii) Bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air (PBA) negeri untuk tindakan pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis yang mengulangi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953; dan
- iv) Mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membatalkan lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang disalahgunakan menjadi tempat perjudian serta mengurangkan kelulusan lesen PHK untuk masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Labu seluas 20 ekar itu akan dinaik taraf menjadi Tanah Perkuburan yang berstatus “Kubur Dalam Taman” seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini.

JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Labu seluas 20 ekar menjadi Tanah Perkuburan yang berstatus “Kubur Dalam Taman” belum lagi dilaksanakan. Mesyuarat penyelarasan JAWI-MAIWP pada Jun 2018 memutuskan agar semua projek yang belum ada komitmen ditangguhkan. JAWI dan MAIWP akan mengenalpasti semula serta mencari jalan penyelesaian terhadap status projek yang ditangguhkan ini.

Pada masa ini, JAWI sedang melaksanakan proses perolehan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan keselamatan bagi Tanah Perkuburan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 64

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dan memberi penjelasan berkenaan dengan bantuan tilam untuk pelajar yang tinggal di asrama dan baik pulih kerosakan rumah Sekolah Kebangsaan Nanga Kesit semasa lawatan bencana banjir pada Oktober 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM170 ribu untuk penyelenggaraan dua (2) blok kelas dan dewan asrama di Sekolah Kebangsaan (SK) Nanga Kesit, Lubok Antu.

Berkenaan dengan isu penggantian atau bantuan tilam asrama akibat banjir, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak akan membuat penelitian rapi terhadap keperluan mendesak bagi penggantian tilam untuk pelajar yang tinggal di asrama Sekolah Kebangsaan (SK) Nanga Kesit.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 4.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 65

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan dasar pendidikan inklusif di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Adakah pemantauan dibuat secara menyeluruh supaya setiap peringkat yang terlibat telah mengambil inisiatif-inisiatif yang sewajarnya untuk memastikan matlamat pendidikan inklusif tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip pendemokrasian pendidikan dan pendidikan untuk semua (*Education for All*) yang melibatkan semua murid termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Di bawah era Malaysia Baharu ini, antara penambahbaikkan dalam dasar pendidikan negara oleh Kementerian berkaitan dengan pendidikan khas adalah pelaksanaan *zero reject policy*. Pelaksanaan *zero reject policy* yang telah pun bermula pada tahun 2019 bertujuan untuk memastikan MBK mempunyai hak yang sama untuk belajar dan bersosialisasi dalam persekitaran pembelajaran tanpa halangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, salah satu inisiatif yang dirancang oleh KPM berhubung pendidikan khas adalah Inisiatif #34: Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Murid Berkeperluan

Khas dan salah satu elemen dalam inisiatif tersebut adalah Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Selaras dengan *zero reject policy* yang dinyatakan, pelaksanaan PPI adalah untuk memastikan MBK mendapatkan hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan dan dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana bagi meningkatkan kemahiran kehidupan harian mereka; membina keyakinan diri bagi mencapai potensi yang optimum; seterusnya meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBK.

Dalam melaksanakan PPI, pemantauan berterusan dan menyeluruh telah dan akan terus dilaksanakan oleh KPM bagi memastikan matlamat pendidikan inklusif tercapai. Antara tindakan yang telah dan akan diambil adalah:

1. Pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi inisiatif Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ditetapkan di peringkat KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN);
2. Program Kunjung Bantu Bersepadu yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan di setiap Bahagian KPM, JPN dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan
3. Program khidmat sokongan oleh pegawai bidang khusus yang berkhidmat di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) bagi memastikan MBK menerima intervensi serta sokongan menyeluruh seperti terapi carakerja, terapi pertuturan bahasa, psikologi, audiologi dan peripatetik.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR - PKR]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program dan projek yang sedia ada bagi mempromosi dan membangunkan budaya sukan di negara kita dan langkah penambahbaikan bagi mengembangkan industri sukan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program dalam usaha mempromosi dan meningkatkan amalan berbudaya sukan serta penglibatan rakyat Malaysia dalam melakukan aktiviti fizikal sama ada sukan rekreasi, riadah atau Sukan Untuk Semua. Kesemua inisiatif dan program yang dilaksanakan adalah berpaksikan Dasar Sukan Negara yang menyasarkan Malaysia menjadi sebuah negara bersukan pada masa hadapan.
2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, KBS menyasarkan sebanyak 50% rakyat Malaysia membudayakan sukan menjelang tahun 2020 dengan menjadikan aktiviti fizikal dan sukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup. Berdasarkan Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018, sasaran ini telah berjaya dicapai yang mana Malaysia berada di tahap sederhana iaitu sebanyak 53.1%.

3. Dalam usaha menggalakkan budaya sukan dan mempromosikan sukan sebagai gaya hidup, kementerian telah melaksanakan beberapa program ikonik yang sering mendapat sambutan rakyat antaranya Liga Sukan Untuk Semua (LISUS), Hari Sukan Negara dan FitMalaysia yang diadakan di seluruh negara. Program-program ini telah menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan. Pada tahun 2018, LISUS mencatatkan penyertaan seramai 1,529,359 orang dari pelbagai peringkat. Hari Sukan Negara pula mendapat sambutan baik dan dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan seramai 2,096,622 orang, manakala FitMalaysia mencatatkan penyertaan melebihi 100,000 orang walaupun dilaksanakan dalam skala yang lebih kecil berbanding tahun-tahun sebelum ini.

4. Dengan pencapaian ini, Kementerian akan memperhebatkan lagi dan menambah baik program-program sedia ada seperti Hari Sukan Negara dan FitMalaysia supaya lebih berdaya saing atau *sustainable*, tidak hanya bersifat *one-off* tetapi sebaliknya menjadi program pembudayaan sukan yang berterusan sepanjang tahun, mempunyai nilai komersil dan berupaya menarik minat pihak swasta untuk terlibat sama dalam menjayakan program-program sukan anjuran kementerian.

5. Selain itu, kementerian juga sedang meluaskan inisiatif membudayakan sukan menerusi program pembangunan sukan luar bandar. Adalah menjadi hasrat kementerian supaya semua lapisan komuniti sama ada di pinggir bandar atau luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur kemudahan sukan. Disamping menyasarkan pembangunan sukan ke peringkat akar umbi, pelaksanaan program ini juga menyokong pembangunan belia luar bandar selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di Pertua,

6. Penglibatan pihak swasta dan pemegang taruh termasuklah persatuan, kelab dan badan sukan adalah penting dalam mengembangkan industri sukan negara. Untuk itu, KBS sentiasa menggalakkan dan mengalu-alukan pihak swasta untuk bergerak seiring dengan KBS dalam semua program dan aktiviti sukan yang dirancang.

7. Bagi mengembangkan pembangunan industri sukan negara, KBS melihat kepada skop yang lebih luas meliputi pewujudan peluang pekerjaan, insentif kewangan dan galakan kepada pemain industri, pembangunan modal insan dan kemahiran, pembangunan serta kemajuan kerjaya para atlet, penglibatan sektor swasta, Badan Bukan Kerajaan dan badan-badan sukan serta peluang-peluang perniagaan dalam sukan.

8. Antara inisiatif kementerian untuk mengembangkan industri sukan adalah melalui jaringan kolaborasi strategik bersama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi menjamin masa hadapan atlet. KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) program *Malaysian Athlete Career & Education* (MACE) melibatkan IPT tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Abdul Razak (UniTAR), Universiti Kuala Lumpur (UNiKL), Universiti Selangor (UniSel), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Sekian, terima kasih.